



Pembangunan Mapan dari Pandangan Islam

Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat

Pembangunan Mapan

dari

Pandangan Islam

Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat

Diterbitkan oleh:

Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat
28, Jalan Seri Putra 2/5A,
Bandar Sri Putra, Bangi,
43000 Kajang, Selangor

Hak Cipta: Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat

Email: rizaatiqrahmat@gmail.com

Pembangunan Mapan dari Pandangan Islam

Teks © Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat 2022

Grafik dan ilustrasi © Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat 2022

ISBN 978-629-97565-0-7

Edisi Asal: Pertama kali diterbit 2022

Catan kulit: Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat

Sinopsis

Buku ini ditulis berdasarkan pengalaman penulis semasa bekerja sebagai jurutera di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan sebagai profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia. Ia menggabungkan asas-asas pembangunan mapan dan matlamat pembangunan mapan yang telah dipersetujui oleh masyarakat antara bangsa dengan pandangan Islam dalam hal pembangunan mapan. Banyak ibrah yang diambil dari Quran dan sejarah serta amalan-amalan masa kini. Contoh-contoh sejarah dari Quran telah dikemukakan untuk memberikan konteks kepada pembaca.

Kandungan

1. Pembangunan tidak mapan, pembangunan mapan	1
1.1 Nasib sebuah negara	1
1.2 Antara dua nasib	2
1.3 Pembangunan yang seimbang	5
1.4 Kemapanan pembangunan adalah tuntutan agama	6
2. Pembangunan Ekonomi	9
2.1 Pentingnya Hubungan dengan Pencipta dalam Pembangunan Ekonomi	9
2.1.1 Hungungan dengan Pencipta dalam Konteks Negara	9
2.1.2 Hubungan dengan Pencipta dalam Konteks Individu	11
2.1.3 Keruntuhan ekonomi disebabkan rosaknya hubungan dengan Pencipta	17
2.2 Zakat, Infak dan Wakaf	18
2.2.1 Zakat	18
2.2.2 Infak dan Derma	20
2.2.3 Wakaf	22
2.3 Tijarah (Perniagaan)	24
2.4 Sistem kewangan mantap, bersih dan tiada riba	26
2.5 Kejujuran dan ketelusan	28
2.6 Tadbir urus dan institusi yang kuat	30
2.7 Tenaga bersih dan mampu	33
2.8 Pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi	36
2.9 Mengurangkan jurang perbezaan	38
2.10 Reka bentuk bandar dan masyarakat yang mapan	41
2.11 Penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab, tanpa Pembaziran	42
3. Pembangunan Sosial	44
3.1 Pentingnya Hubungan dengan Pencipta dalam Pembangunan Sosial	44
3.2 Membasmi kemiskinan dan kelaparan	45
3.3 Sedekah dan infak	47

3.4 Membela anak yatim	50
3.5 Persaudaraan dan Taawun	53
3.6 Menunaikan hajat	54
3.7 Pendidikan berkualiti	56
3.8 Keamanan dan Keadilan	60
3.9 Kebebasan	62
3.10 Peraturan, undang-undang	64
3.11 Penjagaan Kesihatan yang baik	68
3.12 Keadilan jantina	70
3.13 Bekalan air bersih dan sanitasi	72
4. Alam sekitar	74
4.1 Pentingnya Hubungan dengan Pencipta dalam Pembangunan Alam Sekitar	74
4.2 Memelihara bumi	76
4.3 Kesederhanaan	78
4.4 Tiada pembaziran	79
4.5 Menjaga flora dan fauna	79
4.6 Bercucuk tanam	82
4.7 Memelihara Iklim	83
4.8 Kehidupan di dalam air	87
4.9 Kehidupan atas tanah	90
5. Mohon Perlindungan dari Kebinasaan	92
5.1 Doa Nabi Adam	92
5.2 Doa Nabi Nuh	93
5.3 Doa Nabi Ibrahim	93
5.4 Doa Nabi Lut	94
5.5 Doa Nabi Yusuf	95
5.6 Doa Nabi Syuib	95
5.7 Doa Nabi Musa	96
5.8 Doa Nabi Ayyub	97
5.9 Doa Nabi Sulaiman	97
5.10 Doa Nabi Zakaria	98
5.11 Doa Nabi Isa	98
5.12 Doa Nabi Muhammad	99

Bab 1

Pembangunan Mapan dan Pembangunan Tidak Mapan

1.1 Nasib sebuah negara

Nauru ialah sebuah negara kecil di lautan Pasifik dan telah mendapat kemerdekaan pada tahun 1968. Hasil utamanya ialah fosfat. Pada tahun 1970-an Nauru adalah antara negara dengan pendapatan per kapita yang sangat tinggi. Produk Domestik Kasar (GDP) per kapita pada tahun 1970 ialah USD50, 000 seorang. Sebagai perbandingan, pada tahun 2019, GDP perkapita Malaysia ialah USD11, 392. Permintaan fosfat meningkat untuk dijadikan baja pertanian. Kerajaan Nauru memberikan kebenaran untuk meningkatkan aktiviti perlombongan.

Pada tahun 1980-an bekalan fosfat mula berkurangan. Pada tahun 1990-an, fosfat yang boleh dilombong dengan kos yang munasabah sangat sedikit sehingga kerajaan Nauru terpaksa berhutang. Disebabkan hutang yang terlalu banyak, Nauru tidak mampu membayar hutang menyebabkan harta-harta kerajaannya di luar negara disita termasuklah kapal-kapal terbang milik syarikat penerbangan kerajaan . GDP yang begitu tinggi pada tahun 1970-an dan 1980-an jatuh mendadak kepada USD 2,700 sahaja pada tahun 2007. Bagaikan jatuh ditimpa tangga, pendapatan merudum ditambah pula dengan kerosakan alam sekitar akibat aktiviti perlombongan.

1.2 Antara dua nasib

Dalam al-Quran dan kitab-kitab suci lain, ada diceritakan beberapa buah bandar, kerajaan dan bangsa yang lenyap ditelan zaman. Sesetengahnya masih dapat dilihat kesan-kesan pembangunannya tetapi banyak juga yang sudah tidak dapat dikesan.

Antaranya ialah kerajaan Firaun yang gagah dan bertamadun tinggi pada zamannya. Hari ini kita hanya dapat melihat piramid peninggalannya sahaja. Bahasa dan bangsanya turut ditelan zaman. Demikian juga kerajaan Namrud yang menunjukkan kehebatan pembangunan dan pengetahuan. Penemuan Kerajaan Namrud seperti sudut 360° bagi satu bulatan dan tempoh 24 jam sehari masih digunakan sehingga hari ini.

Akan tetapi, pada akhirnya kerajaan, bahasa dan bangsanya lenyap dari muka bumi. Kehancuran kerajaan itu berlaku ketika mereka berada dalam keadaan yang hebat dan tinggi. Rajanya telah berlaku zalim dan mengaku Tuhan. Raja Namrud membakar Nabi Ibrahim a.s. tetapi diselamatkan Allah lalu melarikan diri. Semasa sang raja yang hebat itu mengejar Nabi Ibrahim, tenteranya diserang oleh nyamuk. Entah virus atau kuman apa yang dibawa oleh nyamuk-nyamuk itu. Selepas beberapa hari pulang ke istana, Raja Namrud dan bala tenteranya mati akibat serangan nyamuk tersebut. Maka runtuhlah sebuah kerajaan yang amat maju pada zaman itu. Peristiwa ini berlaku lebih kurang 5,000 tahun lalu dan runtuhan istana Namrud masih boleh dilihat sehingga ke hari ini.

Selepas keruntuhan kerajaan Namrud, Nabi Ibrahim a.s. meneruskan dakwah mengajak manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah SWT. Baginda berangkat ke suatu lembah yang sekarang dikenali sebagai Mekah. Di sana baginda mengasaskan bandar Mekah yang pada masa itu belum berpenghuni dan tiada bekalan air. Baginda berdoa supaya negeri itu menjadi negeri yang aman sentosa dan dikurniakan rezeki melalui pelbagai jenis buah-buahan. Hampir 5,000 tahun berlalu, sehingga kini kita masih lihat Mekah yang diasaskan oleh Nabi Ibrahim a.s. itu terus berkembang

dengan sumbernya yang banyak sehingga mampu menampung jutaan pengunjung yang datang serentak.



Istana Namrud di Sanliurfa yang kini tinggal runtuhan. Ia wujud megah semasa zaman Nabi Ibrahim a.s. lebih kurang 5,000 tahun lalu.



Mekah yang terus berkembang pesat.

Mereka yang pergi menunaikan haji atau umrah pada bulan Ramadan tentu dapat melihat perkara ini. Pada tahun 2019, sebelum pandemik Covid-19, jumlah jemaah haji mengikut statistik Kerajaan Arab Saudi ialah 2,480,406 orang. Bayangkan begitu banyak manusia yang datang serentak ke suatu kawasan. Bandar ini dapat menampung semua jemaah dengan tempat tinggal dan makanan yang cukup, buah-buahan yang banyak dan dalam suasana aman sentosa. Ini satu kontras yang amat nyata yang berlaku ketika hayat Nabi Ibrahim, satu negeri yang pada asalnya makmur tetapi kemudian runtuh, manakala yang satu lagi dari tanah gersang tanpa penghuni kini menjadi sebuah negeri yang Makmur dan aman Sentosa.

1.3 Pembangunan yang seimbang

Secara ringkasnya, pembangunan mapan ialah pembangunan manusia dan keperluannya dengan menggunakan sumber-sumber yang ada tanpa menjelaskan keperluan generasi yang akan datang.

Dalam kes pembangunan negara Nauru, sumber asli negara itu dikaut sebanyak mungkin untuk pembangunan semasa sehingga generasi berikutnya tidak sempat menikmatinya kerana sumber itu telah pun habis. Pada hari ini, masyarakat melihat pembangunan mapan sebagai pembangunan yang tidak akan menjelaskan keperluan generasi yang akan datang dan seimbang dari segi:

- ekonomi,
- sosial dan
- alam sekitar.

Pada tahun 2015, semua negara yang menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah bersetuju dengan beberapa perkara demi kesejahteraan manusia sejagat pada hari ini dan masa akan datang. Satu dokumen yang dikenali sebagai Agenda 2030 untuk Pembangunan Mapan telah dipersetujui.

Inti kepada agenda ini ialah 17 Matlamat Pembangunan Mapan. Matlamat pembangunan ini ialah:

1. Tiada kemiskinan
2. Kelaparan sifar
3. Kesihatan yang baik dan kesejahteraan
4. Pendidikan berkualiti
5. Kesetaraan jantina
6. Bekalan air bersih dan sanitasi
7. Tenaga bersih yang termampu
8. Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi

9. Industri, inovasi dan infrastruktur
10. Mengurangkan jurang perbezaan antara negara
11. Bandar dan masyarakat yang mapan
12. Penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab
13. Tindakan untuk mencegah perubahan cuaca
14. Penggunaan laut dan hasil laut yang mapan
15. Penggunaan sumber atas tanah yang mapan
16. Keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh
17. Bekerjasama untuk mencapai matlamat kemapanan

1.4 Kemapanan pembangunan adalah tuntutan agama

Semua perkara yang telah disebutkan ini adalah tuntutan agama. Apabila manusia meninggalkan agama dan ingkar perintah Allah, maka akan berlakulah segala kepincangan seperti kezaliman, pembaziran sumber, pembangunan yang rakus sehingga merosakkan alam sekitar, pelanggaran peraturan dan pengabaian institusi-institusi. Maka inilah punca keruntuhan sesuatu bangsa, negara atau bandar.

Keruntuhan sebegini banyak diceritakan dalam al-Quran dan kitab-kitab suci yang lain. Contohnya seperti yang berlaku kepada penduduk Sodom. Kisah ini termuat dalam Kitab Taurat, Injil dan al-Quran.

Sodom adalah sebuah bandar metropolitan yang maju. Kedudukannya tidak disebutkan dalam ketiga-tiga kitab suci ini tetapi menurut kajian pakar-pakar sejarah, Sodom mungkin terletak di bahagian selatan Laut Mati di Jordan.

Sodom dan bandar-bandar di sekitarnya telah menikmati kemajuan dan kekayaan yang mewah lebih kurang 4,900 tahun yang silam. Akan tetapi, mereka terlalu ingkar pada Allah. Penduduk Sodom mengamalkan hubungan seks sejenis yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Kezaliman seperti merompak, menyamun dan mempermain-mainkan

golongan yang lemah turut menjadi lumrah. Institusi yang ada tidak mampu mengawal dan mencegah semua kebejatan ini.

Akhirnya Allah mengutus Nabi Lut untuk memberi peringatan tetapi mereka degil. Akhirnya penduduk Sodom dan sekitarnya dibinasakan oleh hujan bantu. Mengikut pakar sejarah, hujan batu ini mungkin bencana berupa gempa besar kerana bandar Sodom terletak di sesar (*fault*) batu. Ada yang berpendapat kejadian ini disebabkan meteor. Dalam peristiwa ini, kebinasaan bukan disebabkan perang atau masalah ekonomi tetapi keingkaran kepada Pencipta alam.

Hubungan dengan Pencipta amat penting dalam kehidupan manusia. Jika hubungan ini tidak beres, pelbagai kepincangan akan berlaku. Dalam al-Quran dan kitab-kitab suci yang lain banyak diceritakan kebinasaan sesuatu umat bermula daripada rosaknya hubungan mereka dengan Tuhan. Rentetan itu, kes liwat berleluasa, berlaku penipuan dalam pengukuran dan timbangan, kezaliman, perkauman yang melampau dan pelbagai lagi amalan kurang baik yang akhirnya mengundang kemarahan Pencipta alam ini. Mari kita lihat ketiga-tiga aspek pembangunan mapan, iaitu pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar serta juzuk-juzuknya yang merupakan tuntutan agama seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Aspek pembangunan mapan

Pembangunan Ekonomi	Pembangunan Sosial	Pembangunan Alam Sekitar
1. Hubungan dengan Pencipta		
2. Zakat, derma hadiah, wakaf 3. Tijarah, industri, inovasi dan infrastruktur 4. Sistem kewangan mantap, bersih dan tiada riba 5. Kejujuran dan ketelusan 6. Tadbir urus yang telus dan institusi yang kuat 7. Tenaga bersih dan mampu 8. Pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi 9. Mengurangkan jurang perbezaan 10. Reka bentuk bandar dan masyarakat yang mapan 11. Penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab, tanpa pembaziran	2. Membasmi kemiskinan dan kelaparan 3. Sedekah dan infak 4. Membela anak yatim 5. Persaudaraan dan taawun (tolong-menolong) 6. Menunaikan hajat 7. Pendidikan berkualiti 8. Keamanan dan keadilan 9. Kebebasan 10. Peraturan dan undang-undang 11. Penjagaan kesihatan yang baik 12. Keadilan jantina 13. Bekalan air bersih dan sanitasi	2. Memelihara bumi 3. Kesederhanaan 4. Tiada pembaziran 5. Menjaga flora dan fauna 6. Bercucuk tanam 7. Memelihara iklim 8. Kehidupan di dalam air 9. Kehidupan di darat

Bab 2

Pembangunan Ekonomi

2.1 Pentingnya hubungan dengan Pencipta dalam pembangunan ekonomi

2.1.1 Hubungan dengan Pencipta dalam konteks negara

Nabi Yusuf a.s. sebagai seorang nabi dan rasul sudah semestinya orang yang sangat rapat hubungannya dengan Pencipta, Tuhan sekalian alam. Bapanya ialah Nabi Yaakub yang juga seorang nabi dan rasul. Nabi Yusuf dididik oleh bapanya semenjak kecil supaya senantiasa mengabdikan diri kepada Allah. Baginda telah melalui pelbagai cubaan semenjak remaja lagi akibat dikhianati adik-beradiknya. Akibat pengkhianatan ini baginda telah dijual sebagai hamba. Kemudian baginda dipenjarakan akibat fitnah isteri pembesar Mesir.

Cubaan besar ini tidak menyebabkan Nabi Yusuf patah semangat malah menambahkan lagi keyakinannya kepada Allah. Baginda sentiasa berdoa supaya hatinya sentiasa dekat dengan Allah. Ketika dalam penjara, Raja Mesir bermimpi yang hanya Nabi Yusuf yang tahu tafsirnya. Menurut tafsiran Nabi Yusuf, mimpi Raja Mesir menunjukkan tempoh 7 tahun akan datang merupakan masa yang paling produktif untuk pertanian. Pada 7 tahun berikutnya, musim kemarau akan melanda. Jadi, rakyat Mesir perlu bersedia untuk menghadapi musim yang mencabar ini.

Sebelum itu Nabi Yusuf telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan bersifat jujur ketika bekerja dengan pembesar Mesir dan ketika dalam penjara. Oleh itu raja telah melantik Nabi Yusuf sebagai wazir atau Menteri

Ekonomi untuk menguruskan kemapanan kerajaan berhadapan dengan musim kemarau panjang.

Nabi Yusuf telah menggubal undang-undang menggesa rakyat menggiatkan lagi kerja-kerja pertanian dan sebahagian hasilnya mesti diserahkan kepada kerajaan. Gudang-gudang telah dibina untuk menyimpan makanan dalam tempoh yang panjang dengan selamat. Undang-undang berkenaan pengagihan makanan ketika musim kemarau yang akan tiba turut digubal..

Pelan tindakan Nabi Yusuf yang strategik ini telah menyelamatkan Mesir daripada kebuluran ketika berhadapan dengan musim kemarau panjang. Peristiwa ini dianggarkan berlaku dalam lingkungan tahun 2000 hingga 1500 Sebelum Masihi.

Zaman berubah, raja Mesir pun silih berganti. Lebih kurang tahun 1400 Sebelum Masihi, Raja Mesir yang dikenali sebagai Firaun telah bermimpi kerajaannya akan runtuh disebabkan kelahiran seorang bayi lelaki . Firaun ini sangat kejam dan zalim sehingga mengaku dirinya Tuhan. Semua orang mesti mentaatinya tanpa berbelah bagi. Berikutnya mimpinya itu, semua bayi lelaki yang lahir mesti dibunuuh. Ketika itu Musa lahir tetapi Allah menyelamatkannya, bahkan dipelihara oleh isteri Firaun sendiri di istana. Musa berketurunan Nabi Yaakub dan merupakan cicit abang Nabi Yusuf.

Dipendekkan cerita, Musa kemudian diangkat menjadi Nabi dan Rasul. Baginda mula mengajak manusia kembali kepada Allah. Perbuatannya tidak disenangi Firaun yang telah mengenakan bermacam kekejaman. Nabi Musa bersama pengikutnya telah melarikan diri tetapi diburu oleh Firaun sendiri bersama bala tenteranya. Apabila tiba di tepi laut Merah, laut itu terbelah dua dan Nabi Musa bersama pengikutnya berjaya menyeberang Laut Merah. Firaun pula tenggelam bersama bala tenteranya.

Peristiwa ini telah menyebabkan kerajaan Mesir pada masa itu runtuh. Yang tinggal hanya piramid-piramid, jenazah orang-orang kenamaan dalam bentuk mumia dan artifak-artifiknya. Bahasa dan bangsanya turut lenyap. Kerajaan besar yang sebelum itu diselamatkan oleh Allah dengan melantik

seorang rasul sebagai wazir, kini telah binasa akibat ingkar pada Allah dan rasul-Nya.

2.1.2 Hubungan dengan pencipta dalam konteks individu

Hubungan dengan Pencipta bukan sahaja perlu pada peringkat kerajaan tetapi juga pada peringkat individu. Kemajuan ekonomi sesebuah kerajaan bergantung kepada rakyat kerajaan itu. Rakyat yang rajin dan berusaha membina kekayaan adalah amat penting untuk memajukan ekonomi sesebuah negara. Akan tetapi, kekayaan yang dicari itu mestilah bermatlamatkan hubungan dengan Tuhan.

Allah berfirman,

وَأَبْتَغِ فِيمَا إِنْتَكَ اللَّهُ الْدَّارُ الْآخِرَةُ وَلَا تَنْسَ نَصِيبِكَ مِنَ الدُّنْيَا وَلَأَحْسِنْ كَمَا
أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepada mu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagian mu dari dunia; dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepada mu dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan " (Al-Qasas 28:77)

Kelemahan dalam hubungan dengan Pencipta menyebabkan seseorang manusia bersikap rakus dan hanya memikirkan dirinya sahaja sehingga menyebabkan banyak kerosakan. Dalam dunia moden terdapat banyak contoh kerakusan individu yang menggoncangkan ekonomi negara besar.

Sebagai contoh, Enron Corporation yang telah diisyiharkan bankrap pada 2 Disember 2001. Enron ialah syarikat tenaga yang ditubuhkan pada tahun 1985. Syarikat ini membekalkan gas dan elektrik dan kemudian terlibat dalam industri kertas, bekalan air dan jalur lebar.

Pendapatan syarikat telah meningkat sangat pesat dari US\$ 13.3 billion pada tahun 1993 kepada US\$ 100.7 billion pada tahun 2000. Dalam tempoh 9 bulan pertama tahun 2001 syarikat ini telah melaporkan keuntungan sebanyak US\$ 138.7 billion. Akan tetapi semua itu rupa-rupanya adalah hasil kira-kira ‘licik’ untuk mengaburi mata pemegang saham. Akhirnya pelbagai skandal terbongkar sehingga menyebabkan syarikat gergasi itu diisyiharkan bankrap pada tahun yang sama. Kebankrapan ini merupakan yang terbesar dalam sejarah Amerika sehinggalah tahun berikutnya apabila sebuah syarikat yang hampir sama mengalami nasib yang serupa. Beberapa orang besar syarikat tersebut telah ditangkap dan dihukum penjara.

Pada tahun berikutnya, iaitu pada tahun 2002, skandal WorldCom pula muncul. Syarikat ini adalah antara gergasi dalam bidang telekomunikasi.

Pada tahun 1999 hingga tahun 2002, syarikat ini dengan sengaja menghebohkan pendapatannya supaya harga sahamnya melonjak tinggi dengan memanipulasi akaunnya. Skandal ini akhirnya terbongkar dan menanggung hutang yang sangat besar sehingga nilai sahamnya jatuh sebanyak 94%. WorldCom terpaksa gulung tikar dengan lebih kurang 17,000 orang hilang pekerjaan.

Terdapat beberapa lagi skandal besar yang telah menggegarkan ekonomi Amerika Syarikat. Oleh sebab ekonomi AS amat besar, ia turut menjelaskan ekonomi negara-negara lain, termasuklah Malaysia. Inilah akibatnya apabila individu yang memegang jawatan penting tidak amanah menggalas tanggungjawab.

Itulah juga yang terjadi kepada Sri Lanka. Negara pulau ini telah wujud dalam sejarah semenjak 3,000 tahun lalu. Pada zaman moden ini, ekonominya banyak bergantung kepada pertanian, pelancongan dan industri pakaian yang berkembang pesat semenjak tahun 1975. Dengan purata pendapatan pada tahun 2021 lebih kurang US\$ 4,100, penduduknya boleh dikatakan hidup dengan agak selesa. Akan tetapi barisan pemimpin dan sebahagian pegawai- penting negara itu sangat rakus menyalah guna

kuasa sehingga Sri Lanka tersenarai sebagai salah satu negara yang paling korup.

Walaupun ekonomi kerajaan itu mula menunjukkan masalah sekitar tahun 2016, kerakusan golongan atasan tidak surut. Akhirnya pada tahun 2022, Sri Lanka diisyiharkan muflis. Kita dapat lihat di media sosial betapa marahnya rakyat kepada kerajaan mereka sehingga sanggup membakar rumah Perdana Menteri dan rumah beberapa orang Menteri. Mereka bahkan berjaya menangkap Perdana Menteri dan beberapa orang Menteri lalu menanggalkan pakaian mereka. Akan tetapi perbuatan itu tidak memberi apa-apa makna pun kepada kemapanan Sri Lanka. Sekarang Sri Lanka berstatus negara muflis, tiada wang untuk membayar gaji kakitangan awam dan kos pengurusan yang lain. Harta-harta negaranya disita. Pelabuhan dan jalan raya menjadi hak negara lain.

Begitulah apabila pemimpin tidak ada rasa takut kepada Tuhan. Amanah akan hilang daripada diri mereka. Amanah sememangnya sangat berkait rapat dengan hubungan dengan Allah. Apabila rosak hubungan ini, maka rosaklah amanah.

Rasulullah ﷺ bersabda,

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ

"Tidak ada keimanan bagi seorang yang tidak amanah!". (Hadis Riwayat Ahmad).

Berkenaan amanah ini, ada satu kisah tentang Nabi Syuib. Baginda memiliki penternakan kambing yang diusahakan bersama dua orang anak perempuannya. Setelah baginda meningkat tua, baginda memerlukan tenaga kerja yang lebih kuat dan amanah untuk membantunya menguruskan urusan penternakan. Suatu hari, anaknya menghadapi kesukaran memberi minum kepada binatang ternakan mereka. Nabi Musa datang memberi pertolongan. Selepas membuat pemerhatian dan penilaian, anak perempuannya melihat sifat amanah dan kuat itu ada pada

Nabi Musa lalu mencadangkan kepada bapanya untuk mengambil Nabi Musa bekerja.

Peristiwa ini dirakamkan dalam Al-Quran seperti berikut,

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَأْبَتِ أَسْتَحْرِزُهُ إِنَّ حَيْرَ مَنْ أَسْتَجَرَتِ الْقَوْيُ الْأَمِينُ

“Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”. (Al-Qasas 28:26)

Satu lagi akibat daripada kerosakan hubungan dengan Pencipta adalah apabila terlantiknya orang-orang yang kurang berkelayakan untuk memegang jawatan penting.

Sehubungan dengan ini Rasulullah ﷺ bersabda,

إِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ. قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتْهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: إِذَا سُنِّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ.

“Jika amanah telah disia-siakan, maka tunggu saja kehancurannya.” Seorang sahabat bertanya, “Bagaimakah maksud amanah disia-siakan?” Baginda menjawab, “Jika urusan diserahkan bukan kepada pakarnya, maka tunggulah kehancuran itu”. (Hadis Riwayat Bukhari).

Perkara ini telah berlaku kepada Kerajaan Khalifah Usmaniyah. Kerajaan ini telah diasaskan oleh Usman Ghazi pada tahun 1300. Pada asalnya wilayah pemerintahannya kecil sahaja dan terletak berhampiran sempadan kerajaan Byzantine.

Kerajaan Usmaniyah memperluas wilayahnya dengan menyerang kawasan-kawasan Byzantine. Pada tahun 1307 bandar Bursa di Byzantine telah ditawan dan telah dijadikan sebagai ibu kota kerajaannya pada tahun 1326.

Pemerintahannya kemudian digantikan oleh anaknya, Orhan Ghazi. Orhan meneruskan usaha bapanya menyerang kawasan-kawasan Byzantine dan

telah berjaya menawan beberapa wilayah penting seperti Angkara dan Galipoli. Orhan seterusnya digantikan oleh anaknya, Murad Ghazi pada tahun 1359. Sultan Murad meneruskan pula usaha bapanya dan dapat menawan banyak kawasan di Eropah seperti Macedonia, Sophia dan Salonia. Sultan Murad digantikan oleh anaknya, Beyazid pada tahun 1389. Apabila Beyazid dinobatkan sebagai sultan, tiba-tiba raja-raja Eropah telah bersekutu dan datang menyerang. Serangan itu dapat dipatahkan dan Beyazid dapat menawan lebih banyak kawasan di Eropah Tenggara.

Dengan kejayaan demi kejayaan yang diraih, Beyazid merasa lebih yakin dan telah mula menyerang dan mengepung ibu kota kerajaan Byzantine, iaitu Constantinople. Serangan tersebut tidak berjaya. Apabila Beyazid mangkat pada tahun 1402, anak-anaknya berebut takhta. Perebutan kuasa ini berlanjutan sehingga tahun 1413. Pada tahun itu Sultan Muhammad I telah berjaya mengalahkan semua saudaranya yang berebutkan takhta itu. Sultan Muhammad I memerintah sehingga wafat pada tahun 1421 .

Sultan Muhammad I digantikan oleh Sultan Murad II. Dengan kerajaan yang sudah bersatu, kerja-kerja memperluas kawasan diteruskan dengan menyerang Kerajaan Byzantine. Cubaan menawan Constatinople masih tidak berjaya. Setelah itu, kuasa diserahkan kepada anaknya, Sultan Muhammad II yang lebih dikenali sebagai Muhammad al-Fatih pada tahun 1451. Sultan Muhammad al-Fatih meneruskan usaha menakluk Constantinople. Akhirnya beliau berjaya menawan Constantinople pada tahun 1453 dan menumbangkan kerajaan Byzantine. Nama bandar Constantinople kemudian ditukar kepada Istanbul dan telah dijadikan ibu kota kerajaan Usmaniyah. Kerajaan ini terus berkembang sehingga dapat menawan Belgrade, wilayah-wilayah Hungary serta Bosnia dan Kosovo.

Perkembangan yang pesat ini disebabkan oleh sistem yang digunakan untuk memilih raja, gabenor dan ketua daerah. Sebelum ini anak raja atau anak angkat raja yang dilatih di istana dihantar menjadi pegawai daerah. Mereka yang berkemampuan akan diangkat menjadi gabenor di wilayah-wilayah yang jauh dan kecil. Gabenor yang berbakat akan dilantik menjadi gabenor di wilayah yang lebih besar dan hampir dengan ibu kota atau jawatan-

jawatan penting di peringkat pusat. Apabila raja mangkat atau berundur, anak raja yang paling berbakat dan berkelayakan akan dilantik menjadi raja. Oleh itu siapa yang dilantik menjadi gabenor, jawatan-jawatan tinggi dan seterusnya menjadi raja adalah mereka yang benar-benar layak.

Pada akhir kurun ke-16, perebutan kuasa mula berlaku. Apabila seorang anak raja ditabalkan menjadi raja, adik beradiknya yang lain akan dibunuhan. Keadaan ini menjadikan kerajaan Usmaniyah yang dahulunya gagah dan digeruni menjadi lemah.

Bagi mengelakkan pembunuhan adik-beradik begini, satu sistem yang disebut Kafes atau Qafis diwujudkan. Apabila seorang raja ditabalkan, adik-beradiknya akan dikenakan perintah berkurung. Pergerakan mereka dihadkan. Apabila raja mangkat, sistem ini menyebabkan penggantinya tidak mempunyai pengalaman dan kelayakan yang diperlukan.

Kerajaan Usmaniyah yang mulai lemah akibat perebutan kuasa sebelum ini menjadi semakin lemah dengan adanya sistem Qafis ini. Satu demi satu wilayah Islam yang bernaung di bawahnya telah jatuh ke tangan Portugis, Sepanyol, Perancis, Belanda dan Inggeris. Perang Dunia Pertama merupakan pukulan hebat kepada kerajaan Usmaniyah. Banyak wilayahnya di Balkan, Eropah Timur dan Asia telah terlepas. Berjuta umat Islam terbunuh dan menjadi pelarian. Akibatnya kerajaan Usmaniyah berdepan masalah ekonomi yang besar. Rakyat tertekan, tidak puas hati dan marah kepada kerajaan. Desakan rakyat yang begitu kuat mengakibatkan kerajaan itu dengan rasminya terhapus dari muka bumi pada 17 November 1922.

Kejatuhan Kerajaan Usmaniyah telah memberi tamparan yang hebat kepada umat Islam. Bayangkan apabila kerajaan yang menaungi banyak wilayah Islam lenyap dalam sekilip mata. Namun apakan daya, Rasulullah ﷺ telah memberi amaran, jika amanah diberikan kepada yang bukan pakar, tunggulah saat kehancuran.

2.1.3 Keruntuhan ekonomi disebabkan rosaknya hubungan dengan Pencipta

Penduduk Yaman purba telah mencapai kemajuan ekonomi yang mantap lama sebelum kelahiran Nabi Isa. Kemajuannya disebabkan perdagangan rempah dengan Nusantara dan juga pertanian berskala besar dengan kewujudan Empangan Ma'rib. Empangan ini dibina oleh Kerajaan Saba' lebih kurang pada kurun ke-8 Sebelum Masihi, iaitu lebih kurang sezaman dengan kerajaan Kedah Tua di Sungai Batu yang sangat maju dalam industri besi.

Empangan ini boleh dikatakan gergasi dan mungkin yang pertama di dunia. Tingginya lebih kurang 15 meter dan panjangnya lebih kurang 650 meter. Dengan adanya empangan ini tanah pertanian yang luas dapat diusahakan, sekali gus menyebabkan negara Saba' menjadi negara yang maju dan makmur. Malang sekali apabila mereka lupa dan mengingkari perintah Tuhan . Akibatnya mereka ditimpa bala yang menghancurkan empangan tersebut. Ekonomi mereka hancur. Seterusnya Kerajaan Saba' turut terkubur.

Di dalam Al- Quran, Allah menyebutkan mereka seperti berikut,

لَقَدْ كَانَ لِسَبَأٍ فِي مَسْكُنَهُمْ ءَايَةٌ جَنَّتَنَ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا مِنْ رَزْقٍ رَبِّكُمْ وَآشْكُرُوا لَهُ بَلْدَةً طَيْنَةً وَرَبُّ غَوْرٍ ١٥

فَأَغْرَضْنُوا فَارْسُلْنَا عَلَيْهِمْ سِينَ الْعَرْمٍ وَبَذَلَنَّهُمْ بِجَنَّتِهِمْ جَنَّتَنِ دَوَانِي أَكْلٌ حَمْطٌ وَأَثْلٌ وَشَنْعٌ مَنْ سِدَرْ قَلِيلٌ ١٦

ذَلِكَ جَزِيَّهُمْ بِمَا كَفَرُوا وَهُنَّ نُجَازٍ إِلَّا الْكَافُورُ

"Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik, dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!"

Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara.

Demikianlah Kami membalas mereka disebabkan kekufuran mereka; dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang-orang yang amat kufur.”

(Saba' 34:17)

2.2 Zakat, Infak dan Wakaf

2.2.1 Zakat

Zakat sangat penting dan bergandingan dengan solat. Zakat telah disyariatkan oleh Allah, bukan sahaja kepada umat Nabi Muhammad tetapi juga kepada umat sebelumnya. Dalam al-Quran telah disebutkan bahawa Nabi Ibrahim, Ishak dan Yaakub juga telah melaksanakan amalan zakat.

Firman Allah,

وَوَهِبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ نَافِلَةًۖ وَكُلَّا جَعَلْنَا صَالِحِينَ ٧٢

وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا فَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الْزَّكُوֹةِۖ وَكَانُوا لَنَا عَبْدِينَ ٧٣

“Dan Kami telah memberikan kepadanya (Ibrahim) Ishak dan Yaakub, sebagai suatu anugerah (daripada Kami). Dan masing-masingnya Kami jadikan orang-orang yang soleh. Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan telah Kami wahyukan kepada, mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan hanya kepada Kamilah mereka selalu menyembah.” (Al Anbiya: 72-73)

Nabi Isa juga telah menyuruh pengikutnya, iaitu penganut agama Kristian, untuk mengeluarkan zakat.

Allah menceritakan perkara ini dalam al-Quran,

قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ إِنَّمَا أَكِتَابُ وَجَعَلْنِي نَبِيًّا ٣٠

وَجَعَلْنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ٣١

"Berkata Isa, "Sesungguhnya aku ini hamba Allah, Dia memberi ku al kitab (Injil) dan Dia menjadikan aku seorang nabi, dan Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana saja aku berada, dan Dia memerintahkan kepada ku (mendirikan) solat dan (menunaikan) zakat selama aku hidup," (Maryam: 30-31).

Secara ringkasnya zakat ialah bayaran yang dituntut agama untuk memberi pertolongan kepada orang-orang yang sangat memerlukan seperti fakir dan miskin. Menurut Islam hanya 2.5% daripada harta yang tersimpan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu tahun yang perlu dibayar. Namun selepas kewafatan Rasulullah ﷺ banyak yang enggan membayar zakat. Abu Bakar sebagai khalifah yang baru dilantik menjadi pemimpin menggantikan Rasulullah ﷺ telah bertegas untuk memerangi mereka. Ramai sahabat yang terkejut kerana Abu Bakar terkenal dengan sikapnya yang lunak. Akan tetapi dalam hal zakat, Abu Bakar amat tegas.

Kedudukan zakat amat penting dalam kemapanan sebuah negara. . Rakyat yang susah tanpa pembelaan boleh bangun memberontak. Dalam sejarah China perkara ini telah beberapa kali berlaku. Rakyat yang susah dan terbeban merasa diabaikan. Akibat tidak disantuni dengan baik, mereka memberontak sehingga akhirnya membawa kepada keruntuhan kerajaan tersebut.

Dinasti Ming telah diasaskan pada tahun 1368 selepas menumbangkan Dinasti Yuan yang berbangsa Mongol di China. Dinasti Ming adalah dinasti berbangsa Cina Han yang terakhir. Pada awalnya ekonomi dan teknologinya berkembang sangat pesat. Kapal-kapal yang sangat besar dibina dan

digunakan untuk menghantar Cheng Ho ke serata pelosok dunia. Kekuatannya telah dimanfaatkan untuk mengembangkan pengaruhnya di Asia Tenggara, India sehingga ke Madagascar.

Pada awal kurun ke-17, Dinasti Ming mula mengalami masalah ekonomi dan mengenakan cukai yang agak tinggi kepada rakyat. Kemudian suatu wabak penyakit mula melanda pada tahun 1633. Wabak ini berpanjangan dan telah melanda Beijing, ibu kota kerajaan Dinasti Ming. Dianggarkan 200,000 penduduk Beijing terkorban akibat wabak itu. Rakyat amat tertekan lalu memberontak. Pemberontakan ini diketuai oleh Li Zicheng. Pada tahun 1644, mereka telah berjaya menumbangkan kerajaan. Li Zicheng sempat memerintah selama setahun sahaja sebelum mati ketika musim panas tahun 1645. Punca kematiannya tidak jelas. Ada catatan yang mengatakan puncanya kerana penyakit dan bunuh diri. Ada juga yang menyebut Li Zicheng mati kerana diserang oleh rakyat yang tidak berpuas hati. Dalam keadaan yang tidak menentu itu, orang-orang Manchu dari utara datang menyerang lalu mendirikan Dinasti Qing di China. Dinasti ini berlanjutan sehingga tahun 1912 apabila Republik China ditubuhkan.

2.2.2 Infak dan derma

Jika zakat merupakan kewajiban yang mesti ditunaikan, infak pula merupakan amalan sukarela yang amat digalakkkan.

Allah berfirman,

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفُقُوا مِنْ طَيِّبَاتٍ مَا كَسْبَتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ[ۖ]
وَلَا تَنِمَّوْا أَخْيَثَ مِنْهُ ثُنِفُونَ وَلَسْنُمْ بِإِخْزِيَّهِ إِلَّا أَنْ تُعْمِضُوا فِيهِ[ۚ] وَأَعْلَمُوا أَنَّ
اللَّهَ عَنِّي حَمِيدٌ

“Wahai orang-orang yang beriman! Infakkanlah sebahagian hasil usaha mu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk mu. Janganlah kamu memilih yang buruk untuk kamu keluarkan, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan

memejamkan mata (enggan) terhadapnya. Dan ketahuilah bahawa Allah Maha Kaya, Maha Terpuji.” (Al-Baqarah: 267)

Infak atau derma amat penting dalam pembangunan dan pertahanan sesebuah negara. Ketika Rasulullah mendapat berita tentang kerajaan Byzantine yang sedang bersedia untuk menyerang Madinah, Rasulullah ﷺ segera membuat kerahan tenaga untuk pergi dan bertahan di sempadan, iaitu di Tabuk. Jaraknya dari Madinah hampir 700 km. Peristiwa ini adalah kali pertama Madinah berhadapan dengan sebuah kuasa besar. Madinah turut berhadapan tentera yang kuat dan dipimpin oleh rajanya yang amat terkenal, iaitu Heraclius.

Dalam masa yang amat singkat, senjata dan dana yang besar perlu segera dikumpulkan. Pada Ketika ini Usman bin Affan telah menginfakkan 1, 000 dinar (anggaran RM1.2 Juta), senjata untuk 10, 000 orang tentera, 1, 000 ekor unta dan 50 ekor kuda. Abu Bakar pula menginfakkan seluruh hartanya yang bernilai lebih kurang 4, 000 dinar. Umar bin Khattab menginfakkan separuh daripada hartanya. Sementara Abdul Rahman bin Auf menginfakkan 500 ekor kuda, 1,500 ekor unta dan 200 tahil emas (200 tahil = RM2 juta). Banyak sahabat lain turut menginfak bagi melancarkan peperangan ini.

Apabila mengetahui Rasulullah ﷺ sendiri yang memimpin angkatan perang Madinah, Heraclius membatalkan hasratnya untuk berperang kerana mengakui kerasulan baginda. Rasulullah ﷺ telah menunggu selama 20 hari di Tabuk. Walaupun perang tidak berlaku, banyak ketua kaum dan ketua daerah yang bertukar ketaatan kepada Islam.

Dalam keadaan aman damai, infak dan derma juga sangat diperlukan untuk kebajikan. Semasa pandemik Covid-19 banyak orang yang terjejas disebabkan sekatan pergerakan. Mereka kehilangan sumber pendapatan. Dalam keadaan seperti ini, infak dan derma amat diperlukan untuk disalurkan kepada mereka yang terjejas.

Pembinaan masjid, sekolah agama, rumah kebajikan juga memerlukan dana yang besar. Begitu juga dengan aktiviti dakwah dan membantu golongan

miskin. Walaupun kerajaan telah memperuntukkan sejumlah dana untuk tujuan ini, infak masih lagi diperlukan daripada orang ramai.

2.2.3 Wakaf

Wakaf secara ringkasnya bermaksud sesuatu harta yang diberikan untuk kegunaan orang ramai atas niat kerana Allah SWT semata-mata. . Wakaf hampir sama seperti infak tetapi biasanya melibatkan harta seperti tanah dan lain-lain. Dalam bahasa Inggeris klasik ia disebutkan sebagai *vakouf* tetapi kini perkataan *endowment* digunakan.

Dalam al-Quran Allah berfirman,

لَنْ تَنْلُوَا الْبِرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ
فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلَيْمٌ

“Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa pun yang kamu infakkan, tentang hal itu sungguh, Allah Maha Mengetahui”. (Ali Imran: 92)

Apabila ayat ini diwahyukan kepada Rasulullah ﷺ, maka Abu Talhah berkata kepada Rasulullah ﷺ, “Sesungguhnya harta yang paling aku sayang ialah harta ku di Bairuha dan sesungguhnya harta ku di Bairuha itulah yang ku wakafkan ke jalan Allah SWT.”

Umar memperoleh tanah di Khaibar, lalu dia bertanya kepada Nabi dengan berkata; Wahai Rasulullah, aku telah memperoleh tanah di Khaibar yang nilainya tinggi dan tidak pernah aku peroleh yang lebih tinggi nilainya daripada ini. Apakah yang patut aku lakukan?”

Sabda Rasulullah: *“Kalau kamu mahu, tahan sumbernya dan sedekahkan manfaat atau faedahnya.”*

Lalu Umar menyedekahkannya kepada fakir miskin, keluarga, untuk memerdekaan hamba, untuk orang yang berperang di jalan Allah, orang

yang bermusafir dan tetamu. Harta tersebut tidak boleh dijual, diberikan atau dijadikan warisan kepada orang lain.”

Ketika berlaku kemarau di Semenanjung Tanah Arab, masalah bekalan air berlaku di Madinah. Kebanyakan pergi di Madinah menjadi kering. Sebuah pergi milik seorang Yahudi masih boleh membekalkan air dalam jumlah yang banyak. Dia mengambil kesempatan menjual air dengan sangat mahal. Lalu Rasulullah ﷺ mencadangkan supaya pergi itu dibeli walaupun harganya sangat mahal.

Usman bin Affan mengajukan diri untuk membeli pergi itu. Usman lalu berjumpa Yusuf, pemilik pergi itu yang berbangsa Yahudi. Akhirnya Yahudi itu bersetuju menjual setengah pergi itu tetapi pada harga yang sangat mahal. Kemudian Usman mewakafkannya dan memberikan air pergi itu kepada sesiapa sahaja dengan percuma.

Bekalan air sangat penting untuk pembangunan mapan. Dalam kes ini, pergi itu tetap dibeli walaupun harganya terlalu mahal demi kesejahteraan orang ramai.

Berkenaan pergi ini, pemiliknya akhirnya bersetuju menjual setengah lagi pergi tersebut termasuk tanah di sekitarnya. Tanah itu kemudian menjadi kebun kurma dan diuruskan oleh Kerajaan Arab Saudi sebagai harta wakaf Usman bin Affan. Hasil dari kebun kurma itu cukup lumayan sehingga mampu membeli tanah dan mendirikan hotel berhampiran Masjid Nabawi. Keuntungan daripada kebun kurma dan hotel tersebut digunakan untuk membantu anak-anak yatim dan fakir miskin dan sebahagian lagi untuk pelaburan. Sesiapa yang pergi menunaikan umrah biasanya akan dibawa ke kebun kurma wakaf ini.

Wakaf juga sangat diperlukan untuk membangunkan institusi besar seperti institusi pengajian tinggi. Pada tahun 859 Masihi sebuah institusi pengajian tinggi telah ditubuhkan di Maghribi yang dikenali dengan nama Universiti Karaoine atau universiti Qawariyin. Ia ditubuhkan melalui dana wakaf dari

seorang perempuan yang bernama Fatimah a-Fihri. Fatimah merupakan anak seorang hartawan dan telah mendapat banyak harta pusaka. Lalu institusi ini dibina sebagai wakaf darinya. Pada asalnya institusi ini menawarkan hanya program-program sains tetapi sekarang ia menawarkan berbagai-bagai program. Universiti ini telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai universiti yang tertua di dunia yang masih beroperasi hingga kini.

Pada tahun 970 Masihi, Universiti al-Azhar pula ditubuhkan melalui dana wakaf juga. Hari ini ramai pelajar dari seluruh dunia datang belajar di situ, termasuk dari Malaysia. Bajet universiti boleh dikatakan kesemuanya dari dana wakaf yang telah terkumpul lebih 1, 000 tahun. University of Oxford pula ditubuhkan pada tahun 1096 Masihi, juga dengan dana wakaf (*endowment*). Pada tahun 1209 Masihi, University of Cambridge ditubuhkan juga melalui cara yang sama.

Universiti Harvard telah ditubuhkan pada tahun 1636 untuk melatih para paderi di Amerika Syarikat. Namun kini Harvard telah menjadi universiti sekular yang menawarkan pelbagai program. Penubuhannya boleh dikatakan melalui dana wakaf juga. Kini universiti ini mempunyai dana wakaf antara yang terbesar bagi sebuah universiti.

Pada tahun 2020, jumlah dana yang dimilikinya lebih kurang US\$ 41.9 billion. Dengan dana sebesar ini, Harvard boleh membiayai sebahagian besar pembangunan dan operasinya. Dianggarkan hanya 22% operasinya daripada yuran pelajar. Malah Harvard mampu memberikan biasiswa kepada pelajar berbakat dari seluruh dunia.

2.3 Tijarah (Perniagaan)

Tijarah atau perniagaan amat penting dalam pembangunan ekonomi. Aktiviti ini akan menyediakan keperluan masyarakat sama ada dalam bentuk perkhidmatan atau barang.

Tanpa perniagaan, amat sukar untuk menyediakan makanan dan keperluan asas masyarakat yang lain . Rasulullah ﷺ dan sebahagian besar sahabat-sahabat telah melakukan perniagaan yang melibatkan pelbagai negara dan bangsa. Pada musim sejuk mereka ke Yaman dan ketika musim panas mereka ke Syam untuk mendapatkan bahan makanan dan pakaian bagi penduduk Mekah dan sekitarnya.

Ketika Rasulullah ﷺ berusia 12 tahun, baginda mengikut pakciknya, Abu Talib berniaga ke Syam. Apabila tiba di Busyra, satu tempat di selatan Syam, seorang rahib Buhaira datang dan menjemput mereka makan ke gereja tempatnya bertugas. Buhaira menceritakan bahawa anak berumur 12 tahun ini akan menjadi rasul akhir zaman dan menasihatkan Abu Thlib supaya membawanya balik ke Mekah kerana dikhawatiri akan dibunuh oleh orang Yahudi atau Rom. Walaupun Rasulullah ﷺ tidak sempat berniaga pada masa itu, apabila usianya meningkat 17 tahun, baginda memulakan perniagaannya sendiri.

Di dalam buku *Muhammad As A Trader*, penulisnya Afzalur Rahman menceritakan bahawa Rasulullah ﷺ telah melakukan perjalanan sebanyak 18 kali untuk urusan perniagaan ke Yaman, Syam dan Iraq sebelum usia 25 tahun. Baginda dikenali dalam masyarakat peniaga sebagai peniaga yang berjaya dan sangat jujur. Kehebatannya berniaga menyebabkan Khadijah berani menitipkan barang perniagaannya kepada Rasulullah ﷺ.

Kita dapat menganggarkekayaan Rasulullah melalui maharnya kepada Khadijah, iaitu sebanyak 20 ekor unta betina muda. Harga unta ini bukan murah. Secara purata harganya sekarang di Arab Saudi lebih kurang RM15,000. Unta yang berkualiti sangat bagus boleh mencécah sehingga RM100,000 seekor bahkan jutaan ringgit. Maknanya mahar yang dibayar oleh Rasulullah ketika mengahwini Khadijah ialah RM300,000 atau lebih tinggi.

Sebagai peniaga besar, kawan-kawan rapatnya juga adalah peniaga besar juga seperti Abu Bakar, Usman bin Affan, Abdul Rahman bin Auf dan lain-lain lagi. Semasa peringkat awal negara Madinah, mereka inilah yang

banyak memberi sumbangan untuk membangunkan negara yang masih kecil dan sangat muda itu.

Pada hari ini perniagaan masih sangat penting untuk pembangunan negara. Lihatlah sebahagian besar bangunan yang indah adalah dibina dan dimiliki oleh syarikat perniagaan terulung. Begitu juga barang-barang keperluan seperti makanan dan perkhidmatan seperti pengangkutan . Keusahawanan sosial bahkan banyak membantu orang susah dan menaikkan taraf hidup masyarakat yang terpinggir dan terpencil.

2.4 Sistem kewangan mantap, bersih dan bebas riba

Sebelum menjadi rasul, Nabi Muhammad digelar Al-Amin, iaitu yang dipercayai. Baginda sering diamanahkan untuk menyimpan wang dan harta. Dalam perniagaan pula, baginda sering diminta membawa wang dan barang untuk diniagakan. Keuntungan dari perniagaan itu dibahagikan mengikut persetujuan kedua-dua belah pihak. Sahabat rapat Rasulullah ﷺ seperti Zubair bin Awam juga berbuat demikian. Zubair menerima simpanan wang sebagai deposit pelaburan.

Apabila Rasulullah dilantik menjadi rasul, amalan seperti ini diteruskan. Perbezaan Rasulullah ﷺ dan sahabat-sahabatnya dengan orang lain dalam perniagaan adalah kejujuran dan bebas riba. Apabila Rasulullah ﷺ dan sahabat-sahabatnya hijrah ke Madinah, kejujuran, kebersihan dan tiada riba telah menyebabkan ekonomi yang dahulunya dikuasai oleh orang-orang Yahudi telah beralih kepada orang-orang Islam.

Di Madinah, sesuai dengan keluasan kawasan pemerintahan, Rasulullah ﷺ telah mengemaskin lagi sistem ekonomi dengan memantapkan apa yang telah ada dengan mengemaskin sistem pemberian modal, pinjaman, pengiriman wang dan sistem kutipan zakat. Ketika itu kawasan pemerintahan Rasulullah ﷺ telah meliputi Arab Saudi, Yaman dan negara-negara Teluk sekarang.

Semasa pemerintahan Umar bin Khattab, kawasan pemerintahan Islam bertambah luas dan pesat. Di utara hingga ke Syam, Jordan dan Palestin. Di selatan hingga ke Yaman, Di barat hingga ke Mesir, Libya dan Habsyah. Di timur hingga ke Iraq dan Iran.

Perniagaan semakin rancak dan pegawai-pegawai kerajaan makin bertambah. Negara yang semakin berkembang ini sudah tentu memerlukan sistem ekonomi yang mantap. Pelbagai usaha inovasi telah dilaksanakan. Antaranya ialah surat akuan seperti sistem cek untuk memudahkan perniagaan antara Syam dengan Yaman juga untuk membayar gaji pegawai-pegawai kerajaan. Sistem pendaftaran yang kemas telah diwujudkan untuk mengenal pasti pembayar zakat dan pembayar cukai.

Umar juga telah membina empangan dan tali air untuk memantapkan pertanian. Sistem cukai yang lebih adil telah diperkenalkan terutama di wilayah-wilayah baharu yang ditakluki. Apabila sesuatu kawasan ditakluk, riba dihapuskan. Sistem audit turut diperkenalkan untuk memastikan dana yang keluar dan masuk teratur. Umar juga memperkenalkan kaedah pengisytiharan harta oleh setiap pegawai kerajaan.

Semasa Umar bin Abdul Aziz memerintah, wilayah Islam bertambah luas. Umar juga telah menstrukturkan semula sistem percukaian, pemilikan tanah dan pembahagian wilayah-wilayah dalam kerajaan. Tindakannya telah merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi sehingga tiada lagi orang miskin yang layak menerima zakat.

Sistem kewangan sesebuah negara tidak mantap dan telus boleh menimbulkan pelbagai masalah.

Kerajaan Mughal di India misalnya, runtuh pada tahun 1857 setelah berdiri teguh semenjak tahun 1526. Pada awal kerajaan ini, India adalah antara kerajaan yang kaya dan Makmur. Namun pada akhirnya banyak ketirisan berlaku dalam sistem kewangannya. Cukai yang membebankan rakyat dan kehidupan bermewah-mewah golongan atasan di samping pembinaan bangunan-bangunan mewah seperti Taj Mahal telah meningkatkan kemarahan rakyat lalu bangun memberontak.

Inggeris mengambil kesempatan ini dengan menumbangkan kerajaan Mughal lalu menjajah India. Walaupun pemerintah kerajaan Mughal adalah orang-orang Islam, kecuaian dalam menguruskan ekonomi telah menjadikan India sebagai tanah jajahan British yangkekayaannya diperah untuk dibawa ke England. Hingga ke hari ini, India masih berhempas pulas untuk membangunkan ekonominya.

Berkenaan dengan riba yang sangat jelas diharamkan oleh Allah SWT, ada disebut dalam al-Quran.

Allah berfirman,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَآءَ أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعْلَكُمْ
تُفْلِحُونَ . وَأَنْقُوا النَّازَرَ الَّتِي أَعَدَّتِ لِلْكَافِرِينَ

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan. Peliharalah diri mu dari api neraka, yang disediakan untuk orang-orang yang kafir.” (Ali Imran: 130)

Rasulullah ﷺ pula bersabda,

دِرْهَمٌ رَبَّا يَأْكُلُهُ الرَّجُلُ وَهُوَ يَعْلَمُ أَشَدُّ مِنْ سِتَّةٍ وَثَلَاثِينَ زَيْنَيَّةً

“Satu dirham wang dimakan oleh seseorang dalam keadaan mengetahui bahawa itu adalah wang riba dosanya lebih besar dari pada berzina sebanyak 36 kali.” (Hadis Riwayat Ahmad)

2.5 Kejujuran dan ketelusan

Kejujuran dan ketelusan amat penting untuk kemapanan ekonomi sesuatu negara.

Mengambil contoh Madyan, sebuah negeri di utara Arab Saudi. Madyan muncul lebih kurang sezaman dengan Firaun, iaitu lebih kurang 1,400 tahun Sebelum Masihi.

Penduduk negeri ini mempunyai peradaban yang maju, cerdik dan dikatakan mempunyai kemampuan analisis yang luar biasa. Kesan-kesan rumah mereka masih dapat dilihat sehingga ke hari ini. Akan tetapi mereka sangat tidak jujur dalam bermuamalat. Mereka sering menipu dalam pengukuran dan timbangan ketika berjual beli. Banyak perkara yang tersembunyi dalam urus niaga mereka supaya penipuan dapat dilakukan.

Allah SWT telah mengutus Nabi Syuib kepada mereka. Nabi Syuib cuba memberi peringatan kepada mereka tetapi pembesar-pembesar mereka sangat angkuh dan mengancam baginda.

Sehubungan dengan ini, Allah SWT berfirman,

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۖ قَالَ يَا قَوْمَ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهٍ غَيْرِهِ ۗ وَلَا تَنْتَصُرُوا الْمُكْيَالَ
وَالْمِيزَانَ ۚ إِنِّي أَرَأَكُمْ بِحَيْرَةٍ وَإِنِّي أَخَافُ عَذَابَ يَوْمٍ حُسْبَاطٍ ۝٨٤ ۝
وَالْمِيزَانَ بِالْقُسْطِ ۗ وَلَا تَنْجُحُوا النَّاسُ أَشْيَاءُهُمْ وَلَا تَعْنَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ۝٨٥ ۝
بِقَيْثَ اللهِ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ۗ وَمَا أَنَا عَلَيْكُمْ بِخَفِيفٍ

Dan kepada (penduduk) Madyan, (Kami utus saudara mereka), Syuib. Ia berkata, “Hai kaum ku, sembahlah Allah, sekali-kali tiada Tuhan bagimu selain Dia. Dan janganlah kamu kurangi takaran dan timbangan, sesungguhnya aku melihat kamu dalam keadaan baik (mampu) dan sesungguhnya aku khuatir terhadap mu akan azab hari yang membinasakan (Kiamat)”.

Dan Syuib berkata, “Hai kaum ku, cukupkanlah takaran dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu merugikan manusia terhadap hak-hak mereka dan janganlah kamu membuat kejahanan di muka bumi dengan membuat kerosakan. Sisa keuntungan dari Allah adalah lebih baik bagimu jika kamu orang-orang yang beriman. Dan aku bukanlah seorang penjaga atas diri mu.” [Hud 11:84-86]

Orang-orang Madyan yang tetap berdegil dan angkuh telah mengundang kemurkaan Allah. Lalu negeri mereka digegarkan dengan suara yang amat kuat yang disertai dengan gempa yang luar biasa. Akibatnya semua mati bergelimpangan kecuali Nabi Syuib dan keluarga serta pengikutnya.

Pada hari ini kita dapat lihat tiada satu pun negara atau daerah yang mengalami pembangunan ekonomi yang pesat jika penduduknya tidak jujur. Sering dilihat dalam dunia perniagaan, ketidakjujuran yang berlaku berkadaran dengan besarnya perniagaan itu. Ketidakjujuran itu dapat kita lihat dalam bentuk meletakkan harga yang terlalu tinggi bagi sesuatu kerja, bekalan atau perkhidmatan yang diberi. Istilah yang diberi kepada orang-orang seperti ini ialah ‘oligarch’.

Mereka peniaga besar yang amat berpengaruh dalam politik. Mereka boleh mendapat projek-projek besar walaupun meletakkan harga yang sangat tinggi. Mereka tetap mendapat bayaran walaupun kerja, barang atau perkhidmatan yang diberikan kurang daripada yang dijanjikan. Dalam kedua-dua hal ini, mereka mendapat keuntungan berlipat ganda.

Apabila keadaan ini berleluasa, pelabur-pelabur baharu tidak akan masuk dan pelabur yang sedia ada akan lari. Perlahan-lahan negara seperti ini akan muflis. Keadaan ini boleh mengundang kemurkaan dan bala bencana daripada Allah seperti yang terjadi di Madyan.

2.6 Tadbir urus dan institusi yang kuat

Nabi Sulaiman telah mewarisi kerajaan dari ayahnya, Nabi Daud. Semenjak kecil lagi ia telah menunjukkan bakat menjadi pemimpin yang hebat. Baginda telah membantu ayahnya membuat banyak keputusan yang tepat malah pernah menegur ayahnya jika keputusan yang dibuat kurang tepat.

Misalnya dalam kes dua orang ibu yang berebut seorang anak. Nabi Daud hendak memberikan anak itu kepada ibu yang telah memberi hujah yang mantap, tetapi Nabi Sulaiman mencadangkan supaya anak itu dibelah dua dan memberikan sebelah seorang. Ibu yang sebenar dengan segera bersetuju untuk memberikan anak itu kepada ibu yang pandai berhujah itu. Lalu Nabi Sulaiman berpendapat, ibu yang bersetuju memberikan anak itu adalah ibu yang sebenar, bukan ibu yang memberi hujah yang mantap.

Apabila Nabi Sulaiman menjadi raja, baginda telah menguruskan kerajaannya sebaik-baiknya dengan memanfaatkan segala sumber yang ada. Baginda dikurniakan Allah dengan kebolehan berbicara dengan burung, haiwan dan juga jin. . Baginda berupaya menguruskan haiwan, jin dan manusia dalam susunan yang teratur dan telah membahagikan peranan setiap makhluk mengikut fungsi yang diperlukan. Misalnya burung hud-hud ditugaskan untuk memerhatikan seluruh kawasan kerajaan dan sekitarnya. Pada suatu hari, burung hud-hud memerhatikan sebuah kerajaan di negeri Saba' yang dipimpin oleh Ratu Balqis. Kemudian burung ini diarahkan untuk membawa surat untuk mengajak Ratu Balqis beriman kepada Allah. Akhirnya Ratu Balqis datang ke Palestin untuk menyatakan keimanannya kepada Nabi Sulaiman.

Para jin pula ditugaskan dalam bahagian yang khusus kepada pembinaan dan pembuatan. Dalam al-Quran surah Saba', Allah menceritakan bahawa para jin bertugas untuk membina bangunan dan perkakas yang besar.

Manusia yang sangat bijak ditempatkan dalam bahagian tugas-tugas khas. Misalnya ketika Nabi Sulaiman hendak membawa singgahsana Ratu Balqis dari Saba' ke istananya di Palestin, manusia bijak pandai ini telah membawanya dalam sekelip mata sahaja.

Itulah Nabi Sulaiman yang telah melaksanakan sistem tadbir urus yang sangat mantap dan menubuhkan institusi-institusi yang kuat. Dengan penyusunan yang rapi dan berkat doa, baginda telah memiliki sebuah kerajaan yang amat besar.

Firman Allah berkenaan perkara ini,

قَالَ رَبِّيْ أَغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِنْ بَعْدِي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ

Katanya:"Wahai Tuhan! Ampunkanlah kesilapanku, dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan (yang tidak ada taranya dan) yang tidak akan ada pada sesiapapun kemudian daripadaku; sesungguhnya Engkaulah yang sentiasa melimpah kurnia-Nya " (Saad: 35)

Pada hari ini tiada pemimpin yang setara dengan Nabi Sulaiman. Akan tetapi kaedah-kaedah yang ditunjukkan oleh baginda boleh diamalkan.

Misalnya pembahagian kerja yang khusus yang mana pakar yang sesuai ditempatkan. Bahagian-bahagian ini perlu mempunyai bidang kuasa yang berasaskan undang-undang yang jelas serta peraturan-peraturan yang kemas. Batas-batas kuasa bagi setiap bahagian juga perlu jelas supaya tiada pertindihan tugas dan kuasa.

Kehebatan dan kekuatan pula bukan digunakan bagi kepentingan peribadi tetapi semata-mata menjalankan kewajiban kepada Allah . Kekuatan dan kuasa bukan mutlak dan tidak kekal. Oleh itu doa kepada Tuhan perlu sentiasa dilakukan supaya kerajaan mendapat keberkatan dan keselamatan.

Pada hari ini kita ada teknologi yang boleh dimanfaatkan untuk menggantikan kebolehan burung hud-hud dan juga kepakaran jin dalam pembinaan. Semua ini perlu digunakan secara optimum untuk membangunkan negara.

Amalan-amalan terbaik (*best practices*) dalam pelbagai bidang juga telah banyak didokumenkan dan boleh contohi. Ketika negara Madinah mula berkembang, Rasulullah ﷺ banyak mengambil contoh amalan kerajaan yang telah maju pada masa itu.

Sebagai contoh, Rasulullah ﷺ telah menerima cadangan Salman al-Farisi untuk menggali parit sebagai benteng pertahanan ketika berhadapan dengan tentera bersekutu. Pada masa itu Parsi adalah sebuah kerajaan besar dan maju. Mereka sudah biasa menggunakan parit sebagai benteng pertahanan. Rasulullah ﷺ juga telah memuji Tamin al-Dari kerana memasang lampu di Masjid Nabawi yang diperbuat dengan menggunakan minyak zaitun dan tali yang dipintal. Tamin adalah seorang paderi Kristian dari Palestin yang datang seramai 10 orang menemui Rasulullah ﷺ pada tahun 6H di Madinah. Pada waktu itu masjid Nabawi tiada lampu dan gelap pada waktu malam. Tamin kemudiannya menganut Islam dan menetap di

Madinah. Pada masa itu Palestin di bawah kerajaan Rom-Byzantine yang sangat besar dan maju.

Sistem yang adil dan perjanjian-perjanjian yang ditepati juga termasuk dalam tadbir urus yang baik. Sistem-sistem kerajaan harus diuruskan oleh orang-orang yang pakar, kompeten dan ahli dalam bidang-bidangnya.

Sehubungan dengan ini Allah SWT berfirman,

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَيْ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمًا يَعِظُكُم بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.” (An-Nisaa' 4:58)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُهُودِ

“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.” (Al-Maidah 5:1)

2.7 Tenaga bersih dan mampu

Dahulu sumber tenaga utama adalah kayu bakar, tenaga haiwan atau minyak sayuran yang digunakan sebagai minyak lampu.

Kayu merupakan bahan tenaga yang amat penting untuk memasak dan memanaskan udara ketika musim sejuk.

“Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, Rasulullah ﷺ bersabda,

"Jika seseorang daripada kamu mengumpul kayu api dan menanggungnya di atas belakangnya (untuk dijual) pasti lebih baik daripada dia meminta-minta kepada seseorang, lalu orang itu memberi kepadanya atau menolaknya". (Riwayat Bukhari)

Hadis ini menunjukkan pekerjaan mengumpulkan kayu untuk dijual sebagai sumber tenaga adalah penting dan lebih mulia dari meminta-minta. Di samping itu, kayu menjadi sumber tenaga utama yang amat diperlukan sehingga permintaan terhadapnya tinggi, terutamanya di kawasan yang kekurangan pokok.

Pada zaman dahulu, penduduk dunia hanya sedikit. Bekalan kayu sebagai sumber tenaga lebih dari cukup. Tetapi bilangan manusia semakin meningkat dan keperluan tenaga setiap orang juga bertambah. Pada hari ini tenaga amat diperlukan untuk menggerakkan kenderaan bermotor, memanaskan atau menyejukkan rumah, memasak, pencahaayaan, operasi peralatan industri dan kegunaan berbagai-bagai peralatan.

Tenaga yang digunakan boleh jadi dalam bentuk minyak kenderaan, arang batu atau gas untuk menjana elektrik, tenaga nuklear atau kayu untuk memasak. Penggunaan tenaga seperti ini telah menyebabkan kepekatan karbon dioksida dalam udara telah meningkat dengan cepat dalam 200 tahun kebelakangan ini. Seterusnya peningkatan kepekatan karbon dioksida ini telah menyebabkan peningkatan suhu global yang telah mengakibatkan perubahan cuaca.

Masalah pemanasan global dan perubahan cuaca adalah masalah besar yang telah menyebabkan kenaikan aras laut, banjir dan kemarau panjang.

Sehubungan dengan ini Allah berfirman,

**ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْأَبْرَرِ وَالْأَبْرُرُ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذْبَقُوهُمْ بَعْضَ
أَلْذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ**

"Telah timbul berbagai kerusakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya

yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).” (Ar-Rum: 41)

Hari ini kita melihat kerosakan akibat tangan manusia secara langsung dalam peperangan Rusia-Ukraine. Di medan peperangan, ramai yang terbunuh, cedera dan harta benda musnah. Di luar medan peperangan, harga minyak melambung tinggi. Di Eropah, pada awal Jun 2022, harga minyak petrol rata-rata melebihi RM9/liter. Harga minyak yang tinggi telah menyebabkan harga barang makanan juga melambung tinggi.

Diceritakan oleh BBC pada 27 April 2022, Caroline adalah seorang ibu tunggal dengan seorang anak perempuan. Dia bekerja sebagai pembantu pengajar di sebuah sekolah di Ireland Utara. Apabila harga minyak, elektrik dan makanan melambung, pendapatannya sudah tidak cukup. Dia terpaksa berjimat cermat dengan meminimumkan pemanas rumah, kos perjalanan dan juga makanan. Namun masih lagi tidak mencukupi. Dia terpaksa mendapatkan sebahagian bekalan makanan dari Bank Makanan. Bank ini menyediakan bahan makanan mentah secara percuma hasil para dermawan.

Amerika Syarikat turut berdepan kenaikan harga minyak yang ketara. Pada akhir bulan Mei 2022, harga minyak petrol secara purata lebih kurang RM5.40/liter. Kadar inflasi barang makanan pula mencecah 9.4%. Akhbar The Star telah melaporkan pada 31 Mac 2022, dua per tiga penduduk California telah mengalami kesusahan akibat inflasi ini. Harga makanan yang meningkat telah menjadi masalah besar untuk menyara ahli keluarga. Itulah akibat kenaikan harga minyak kerana ia adalah sumber utama tenaga.

Tenaga merupakan keperluan asas manusia. Kerajaan bertanggungjawab menyediakan bahan tenaga yang diperlukan dengan kadar yang termampu tetapi bersih dan tidak merosakkan dunia. Jika keperluan ini tidak disediakan pada harga yang munasabah, semakin ramai orang seperti Caroline di Ireland dan penduduk di California yang mempunyai pekerjaan tetap tetapi tidak mampu menyara diri dan keluarganya.

Kemajuan teknologi telah memberikan harapan untuk menyediakan tenaga bersih dengan harga termampu. Antaranya ialah tenaga suria. Dahulu kos mendapatkan tenaga dari sumber ini mahal, tetapi hari ini kos penyediaan elektrik daripada sumber ini menurun dengan pesat.

2.8 Pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi

Bekerja adalah perintah Allah SWT.

Firman Allah,

فَإِذَا قُضِيَتِ الْأَصْلَوَةُ فَأَنْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

“Apabila selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).” (Al-Jumu'ah:10)

‘Bertebaran di muka bumi untuk mencari apa yang dikurniakan Allah adalah perintah, sama ada bekerja makan gaji, mengambil upah atau berjual beli.

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُؤْمِنَ الْمُحْتَرَفَ

Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah itu mencintai orang mukmin yang bekerja.” (Hadis Riwayat Thabrani).

Pekerjaan apa pula yang terbaik?

وَسُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَفْضَلِ الْكَسْبِ فَقَالَ: بَيْعٌ مَبْرُورٌ
وَعَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ

Rasulullah ﷺ ditanya tentang seutama-utama pekerjaan. Maka nabi menjawab, “*Jual beli yang baik dan kerja seseorang dengan tangannya sendiri*”. (Hadis Riwayat Ahmad).

Umar bin Khattab adalah khalifah yang kedua yang telah dilantik lebih kurang dua tahun selepas kewafatan Rasulullah ﷺ iaitu pada tahun 634 Masihi. Semasa pemerintahannya, wilayah kerajaan Madinah telah berkembang sangat pesat. Sebagai ketua sebuah negara besar, ia perlu memperkemaskan ekonomi negara dengan segera. Bagi mengatasi kemarau dan keselamatan makanan, Umar telah membuat beberapa tali air untuk meningkatkan penghasilan makanan.

Semasa pemerintahannya, Syam dan Yaman telah menjadi sebahagian dari wilayah Islam. Kedua-dua wilayah ini ialah kawasan perniagaan yang sangat penting pada zaman itu. Syam menjadi tempat pertemuan perniagaan dari timur seperti China dengan Eropah. Yaman pula mempunyai pelabuhan-pelabuhan yang menjadi tumpuan peniaga-peniaga dari Nusantara dan Arab. Bagi merancakkan perniagaan dan ekonomi, Umar telah membuat sistem penghantaran wang di antara kedua-dua wilayah ini. Umar juga telah membuat jaringan jalan raya yang menghubungkan pusat-pusat aktiviti di dalam negara.

Kembali kepada peringkat individu, bekerja adalah tuntutan agama dan pekerjaan yang paling baik ialah berjual beli dan bekerja sendiri. Apa pula tanggungjawab kerajaan?

- Menyediakan pendidikan dan latihan yang sesuai supaya rakyat mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk mereka bekerja atau berjual-beli.
- Menyediakan infrastruktur yang sesuai supaya ekonomi dapat berkembang dengan pesat.

- Dasar dan undang-undang perlu digubal dan diselaraskan untuk mempermudah pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan berjual beli.
- Membuat ramalan masa depan dan membuat perancangan yang sesuai. Bukan Nabi Yusuf telah menunjukkan contoh yang baik dari segi ramalan, perancangan dan perlaksanaan untuk berhadapan dengan kemarau panjang yang berlaku 7 tahun kemudian?

2.9 Mengurangkan jurang perbezaan

Jurang perbezaan antara miskin dengan kaya atau perbezaan antara daerah boleh menimbulkan masalah besar. Dinasti Ming yang memerintah China dari tahun 1368 hingga 1644 adalah dinasti yang kuat dan berjaya membawa kerajaan Cina menjadi sebuah kerajaan yang disegani di peringkat antarabangsa. Mereka memiliki pasukan tentera dan armada laut yang sangat kuat. Laksamananya yang terkenal, Cheng Ho (Zheng He) telah membawa armadanya ke negara-negara di Asia dan Afrika. Akan tetapi kerajaan ini kurang mengambil perhatian berkenaan perbezaan kehidupan antara penduduk bandar dengan luar bandar dan antara daerah-daerah di pantai dengan daerah-daerah pedalaman. Perbezaan ini telah menyebabkan rasa tidak puas hati para petani di luar bandar dan pedalaman.

Di akhir pemerintahannya negara itu dilanda waba dan kemarau. Para petani menjadi semakin tertekan dan marah. Mereka mula memberontak. Pemberontakan ini mulanya bersifat setempat tetapi kemudian Li Zicheng telah dapat menyatukan mereka dan berjaya merebut Beijing pada 25 April 1644. Li Zicheng tidak lama memerintah kerana orang-orang Manchu, apabila mendapat berita kekacauan di Beijing, datang menyerang dan dapat menawan ibu kota itu pada 6 Jun tahun yang sama. Semenjak tarikh itu, negeri China diperintah oleh orang-orang Manchu sehingga tahun 1912.

Revolusi Perancis merupakan satu lagi malapetaka akibat perbezaan sosial dan kekayaan yang amat ketara. Orang-orang ‘kayangan’ yang amat kaya berada dalam satu pihak manakala rakyat jelata yang kebanyakannya miskin berada dalam satu pihak yang lain.

Rakyat dibebani dengan cukai yang tinggi dan harga makanan yang mahal. Rakyat mendesak raja, Louis XVI untuk melakukan perubahan kepada sistem sosial dan politik yang lebih adil. Malangnya setiap kali raja hendak membuat perubahan, golongan kayangan menentang dengan kuat. Akhirnya berlaku pemberontakan yang berakhir dengan penggulingan raja dan penubuhan republik pada 22 September 1792. Kemudian raja dibunuh pada bulan Januari 1793. Keadaan huru-hara berlaku di Perancis dan menyebabkan lebih kurang 16, 600 dibunuh atas alasan menentang revolusi. Keadaan huru-hara ini berlanjutan sehingga bulan Julai 1794.

Perbezaan sosial dan kekayaan telah dan akan wujud selama-lamanya. Pada zaman sebelum kelahiran Nabi Muhammad ﷺ perkara ini turut berlaku. Apabila Nabi Muhammad ﷺ menjadi rasul, baginda membawa risalah kasih sayang, persaudaraan dan orang berada memberikan bantuan, sedekah, zakat dan wakaf. Memerdekakan hamba juga menjadi agenda penting.

Umar bin Khattab ketika menjadi khalifah, wilayah pemerintahannya menjadi sangat luas sehingga meliputi Libya, Mesir, Syria, Jordan, Palestin, Arab Saudi, Yaman, Iraq, Iran dan negara-negara Teluk. Namun ia sangat prihatin terhadap keadaan rakyat. Ketika malam hari yang sunyi, ia bersama pembantunya selalu meronda untuk melihat sendiri keadaan rakyat. Pada satu malam yang sejuk ia melihat seorang ibu yang sedang merebus batu. Lalu ia memberi salam dan bertanya khabar.

Jawab perempuan itu, “Malam ini sejuk dan anak-anak ini lapar”. (Ia tidak tahu yang di hadapannya adalah Umar, seorang khalifah dan amirul mukminin).

Umar bertanya, “Apa yang kamu masak?”

Jawabnya, “Aku sedang berhelah kepada mereka supaya mereka tidur. Allah di antara kami dan Umar”

Umar bertanya lagi, “Semoga Allah merahmati kamu, bagaimana mungkin Umar tahu keadaan kamu?”

Jawabnya, “Umar ketua kami dan dia tidak tahu keadaan kami?”

Lalu Umar segera mengajak pembantunya pergi ke tempat simpanan makanan negara, lalu megambil sekarung gandum dan makanan-makanan lain lalu mengarahkan pembantunya meletakkan barang-barang itu di atas bahunya. Lantas pembantunya berkata, “Biarkan aku yang membawanya”.

Lalu Umar berkata, “Adakah kamu akan memikul bebanmu di hari penghakiman nanti?” Lalu ia berlari membawa makanan itu ke rumah perempuan tadi. Dengan segera Umar menolongnya memasak dan memberi makan kepada anak-anaknya.

Lalu perempuan itu berkata, “Engkau yang sepatutnya menjadi amirul mukminin”.

Lalu Umar meminta perempuan itu pergi ke pejabatnya esok dan berkata, “Nanti jika kamu berjumpa dengan amirul mukminin, kamu berbicaralah dengan baik dan bercakaplah denganku di sana”. Umar kemudian duduk dan memerhatikan anak-anak itu makan dan bermain. Kemudian anak-anak itu tertidur.

“Lapar menyebabkan mereka menangis dan mereka tidak dapat tidur. Aku hendak melihat ini (makan, bermain dan tidur) dan kini aku telah dapat melihatnya”.

Umar tidak bertindak hanya setakat itu sahaja, tetapi ia telah memperkemaskan sistem Baitul Mal supaya kutipan dan pengagihan berjalan dengan lebih berkesan.

Umar bin Abdul Aziz ialah cicit Umar bin Khattab. Ketika Umar Abdul Aziz memerintah, sistem khalifah sudah berubah menjadi sistem raja. Raja dan

keluarganya mempunyai hak-hak istimewa dan hidup dengan penuh kemewahan.

Ketika zaman Umar bin Khattab, khalifah hidup sangat sederhana di rumah kecil di Madinah. Tetapi Ketika Umar bin Abdul Aziz, khalifah bertindak seperti raja, tinggal di istana yang megah dan dikelilingi oleh pegawai-pegawai yang juga mewah di Damsyik. Apabila Umar bin Abdul Aziz menjadi khalifah, ia merubah semua itu. Hak-hak istimewa keluarga diraja banyak yang ditarik balik. Cukai yang menekan rakyat telah diubah supaya lebih adil. Hasilnya pendapatan negara bertambah dan tiada lagi orang miskin yang boleh diberi zakat. Semasa pemerintahannya, walaupun hanya dua setengah tahun, pendapatan tahunan negara yang diperolehi dari Parsi sahaja telah bertambah dari 28 juta dirham kepada 124 juta dirham.

2.10 Reka bentuk bandar dan masyarakat yang mapan

Lebih kurang 5,000 tahun dahulu, Nabi Ibrahim telah mengasaskan bandar Mekah di sebuah lembah padang pasir yang tidak berpenghuni. Baginda memulakannya dengan sebuah rumah ibadah yang sekarang dikenali sebagai Kaabah dan Masjid al-Haram. Dengan perintah Allah baginda meninggalkan isteri dan anaknya, Ismail di tempat itu. Lalu Allah mengutuskan malaikat Jibril untuk menggali telaga sebagai sumber air. Telaga itu kini dikenali sebagai Telaga Zam Zam.

Nabi Ibrahim berdoa,

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمَ رَبِّيْ أَجْعَلْ هَذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَأَرْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الْثَّمَرَاتِ
وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمَ رَبِّيْ أَجْعَلْ هَذَا مَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ
بَلَدًا ءَامِنًا وَأَرْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الْثَّمَرَاتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ

"Wahai Tuhan ku! Jadikanlah negeri (Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai-bagai jenis buah-buahan

kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka." (Al-Baqarah: 126)

Dari cerita Nabi Ibrahim di atas dapat kita simpulkan, kunci utama reka bentuk bandar dan masyarakat yang mapan, iaitu:

- Ia berpusatkan rumah ibadah
- Adanya bekalan air cukup
- Makanan yang cukup
- Masyarakat yang beriman kepada Allah

Pada hari ini kita dapat lihat bandar-bandar lama yang penduduknya beragama berasal dari Nabi Ibrahim, rumah ibadah yang besar terletak di pusat bandar. Ini sangat penting kerana ia menjadi mercu yang membawa manusia beribadah kepada Tuhan .

Perincian berkenaan reka bentuk bandar yang mapan sangat banyak. Menguruskan perbekalan air sahaja melibatkan satu disiplin ilmu yang luas. Begitu juga dengan pembekalan makanan dan keperluan-keperluan asas yang lain. Bahkan pembinaan rumah ibadah yang besar dan tempat kediaman juga merupakan satu lagi disiplin ilmu yang luas. Tidak ketinggalan, bekalan elektrik, sistem jalan raya dan pengangkutan serta telekomunikasi. Oleh itu pakar-pakar dalam semua bidang ini amat diperlukan.

2.11 Penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab, tanpa pembaziran

Pengeluaran dan penggunaan perlu dilakukan dengan penuh rasa tanggungjawab untuk mengelakkan pembaziran.

Allah SWT berfirman,

إِنَّ الْمُبْدِرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَنِ وَكَانَ الشَّيْطَنُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

“Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya.” (Al-Isra' 17:27)

Pembaziran disifatkan oleh Allah sebagai saudara syaitan yang sangat kufur. Oleh itu pengguna mesti bijak memilih dan membeli barang manakala pengeluar mesti memastikan kaedah yang digunakan adalah yang optimum dalam mengelakkan pembaziran.

Bab 3

Pembangunan Sosial

3.1 Pentingnya hubungan dengan pencipta dalam pembangunan sosial

Sekitar 4, 200 tahun dahulu terdapat sebuah kerajaan yang dikenali sebagai Kerajaan Ad. Kerajaan ini adalah kerajaan yang sangat maju dan makmur pada masa itu. Ibu kotanya Iram, terletak berhampiran dengan Oman sekarang. Namun ada pakar sejarah yang mengatakan kedudukan kerajaan ini berhampiran dengan Damsyik sekarang. Nama ibu kotanya juga disebut sebagai Aram atau Ubar. Yang jelas, kerajaan ini adalah kerajaan yang kaya dan maju hasil daripada pertanian dan perniagaan antarabangsa melalui pelabuhannya.

Mereka juga sudah maju dari segi teknologi dan telah membina bangunan-bangunan tinggi dan mewah. Akan tetapi penguasa-pengusanya amat kejam dan keras. Mereka juga sompong, menyeleweng dan ingkar kepada Allah Pencipta sekalian alam. Mereka mula menyembah patung-patung.

Lalu Allah mengutus Nabi Hud untuk membawa mereka kembali kepada kebenaran tetapi mereka sangat angkuh untuk mendengar seruan Nabi Hud. Akhirnya Allah menurunkan bala berupa angin kencang yang tidak berhenti-henti selama 8 hari 7 malam yang menyebabkan mereka mati bergelimpangan.

Allah menceritakan peristiwa ini dalam al-Quran seperti berikut:

وَأَمَّا عَادُ فَأَهْلَكُوا بِرِيحٍ صَرْصَرٍ عَاتِيَةٍ

سَحْرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَنِيَّةً أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى الْقَوْمَ فِيهَا
صَرْعَى كَانَهُمْ أَعْجَازٌ نَحْلٌ حَاوِيَّةٌ

Adapun Ad (kaum Nabi Hud), maka mereka telah dibinasakan dengan angin ribut yang kencang, yang melampau kencangnya, yang diarahkannya menyerang mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus; (kalaular engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka: batang-batang pohon kurma yang (tumbang dan) lompong. (Al-Haaqqah 69 : 6 - 7)

Apa yang terjadi kepada kerajaan Ad ini menunjukkan kemajuan ekonomi dan pembangunan fizikal yang hebat tidak membawa kepada kemapanan sebuah kerajaan jika hubungan dengan Pencipta alam ini tidak beres. Hubungan yang tidak beres ini telah menimbulkan masalah sosial yang besar, iaitu kekejaman dan kesombongan. Jika ini terjadi, bala bencana akan datang memusnahkan segalanya.

3.2 Membasmi kemiskinan dan kelaparan

Kemiskinan dan kelaparan akan menghalang kemajuan sosial kerana orang yang sibuk ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’ tidak mampu berfikir luas dan jauh ke hadapan.

Dalam al-Quran Allah menyebutkan bahawa, pengabaian orang miskin sama seperti mendustakan agama.

أَرَءَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالْدِينِ
فَذِلِكَ الَّذِي يَدْعُ عَلَيْهِ الْبَيْتَيْمَ
وَلَا يَحْضُنُ عَلَى طَعَامِ الْمِسْكِينِ

Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama?

Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim,

dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin. (Al-Maa'uun 107:3)

Rasulullah ﷺ telah menunjukkan contoh yang paling baik dalam pembasmian kemiskinan. Baginda sendiri adalah anak yatim. Baginda mula berdikari semenjak kecil dengan mengambil upah menggembala kambing.. Setelah dewasa,baginda bersama seorang sahabat telah membentuk syarikat perniagaan. Perniagaannya bukan sahaja di Mekah, tetapi sehingga ke Syam, Yaman dan Iraq. Kejayaan Rasulullah dalam perniagaan telah menyebabkan Khadijah memberi kepercayaan kepada baginda untuk menguruskan perniagaannya ke Syam.

Ketika Rasulullah menikah dengan Khadijah, maharnya ialah 20 ekor unta muda. Nilai mahar yang tinggi ini menunjukkan status kekayaan baginda.

Dalam urusan perniagaan, Rasulullah ﷺ telah mengharamkan riba kerana amalan ini menekan dan menambahkan kemiskinan orang susah. Sebagai ganti, sistem pinjaman pembahagian keuntungan diperkenalkan. Hari ini sistem ini lebih dikenali sebagai mudarabah. Dalam sistem ini, orang yang lebih berharta memberi modal untuk bermiaga kepada orang yang memerlukan dan untungnya dibahagikan mengikut formula yang dipersetujui bersama.

Rasulullah ﷺ juga mengajar orang bermiaga. Pada suatu hari, seorang Ansar datang meminta sedekah pada Rasulullah .ﷺ Lalu Rasulullah ﷺ bertanya barang yang dimilikinya. Orang itu menjawab, dia mempunyai sehelai kain dan sebiji gelas. Rasulullah ﷺ lantas meminta kedua-dua barang itu lalu melelongnya. Melalui lelongan itu, Rasulullah ﷺ berjaya memperoleh dua dirham.

Rasulullah ﷺ menyerahkan wang tersebut kepada peminta sedekah tadi sambil bersabda,

"Beli makanan dengan satu dirham, lalu berikan kepada keluarga mu. Lalu beli sebuah kapak dengan satu dirham lagi dan bawakan kepada ku".

Kemudian orang Ansar itu pun datang menemui Rasulullah ﷺ dengan sebilah kapak. Baginda kemudian mengikatkan sebatang kayu pada kapak tersebut dan memerintahkan orang Ansar itu mencari kayu bakar dengan kapak tersebut dan menjualnya. Setelah beberapa hari, orang itu menemui Rasulullah ﷺ semula dengan membawa wang sebanyak 10 dirham.

Lantas Rasulullah ﷺ bersabda, "Ini lebih baik bagi mu daripada kamu datang meminta-minta".

Menolong orang miskin melalui infak, zakat dan memberi makanan merupakan amal ibadah yang dituntut. Bantuan seperti ini amat diperlukan bagi menolong orang miskin yang tidak mampu bekerja atau berniaga. Ada juga golongan yang hasil kerja dan perniagaan mereka tidak mencukupi untuk menyara keluarga.

Baitul mal yang memainkan peranan penting untuk menyalurkan bantuan kepada orang yang amat memerlukan. Rasulullah telah menyediakan daftar nama orang-orang yang perlu diberi bantuan dari baitul mal.

3.3 Sedekah dan infak

Mengikut suatu catatan Cina, Kerajaan Phnom pernah wujud pada tahun 50 Masihi. Daripada kajian arkeologi pula menunjukkan, tamadun yang maju semenjak kurun ke-4 sebelum Masihi juga telah wujud. Kerajaan ini sangat maju pada masa itu. Kawasannya meliputi Kemboja sekarang, bahagian selatan Vietnam, sebahagian Siam hingga ke utara Semenanjung Tanah Melayu.

Kerajaan ini diperintah oleh beberapa dinasti yang silih berganti. Yang paling terkenal ialah kerajaan Angkor kerana wujudnya tapak tinggalan kuil Angkor Wat. Kuil ini diasaskan oleh Jayawarman II yang memerintah dari

tahun 802 hingga tahun 835. Jayawarman II dibesarkan di istana Sailendra di Pulau Jawa dan ibu kotanya ialah Yasodharapura yang sekarang dikenali sebagai Angkor atau Siem Reap.

Bangunan-bangunan yang ada di bandar ini menunjukkan kerajaan ini sangat maju pada zaman itu. Akan tetapi pada tahun 1431, kerajaan ini runtuh disebabkan wabak malaria. Sebelumnya kerajaan ini berhadapan masalah kewangan yang menyebabkan pendapatan rakyat berkurang akibat persaingan yang kuat daripada kerajaan-kerajaan lain, termasuk Melaka.



Peninggalan Angkor

Sebenarnya banyak kerajaan yang runtuh akibat bencana. Akan tetapi bencana sebenarnya boleh dielakkan dengan sedekah.

Rasulullah ﷺ bersabda,

“Bersegeralah bersedekah, sebab bencana tidak pernah mendahului sedekah. Belilah semua kesusahan mu dengan sedekah. Ubatilah penyakit

mu dengan sedekah. Sedekah itu sesuatu yang ajaib. Sedekah menolak 70 macam bala dan bencana, dan yang paling kecil ialah penyakit kusta dan sopak.” (Hadis Riwayat Baihaqi dan Thabranî).

Secara ringkasnya, sedekah adalah pemberian secara spontan sama ada dalam bentuk wang, pertolongan, senyuman atau apa sahaja yang baik. Infak pula merupakan pemberian wang atau harta. Sedekah dan infak adalah amalan yang dipuji Tuhan. Masyarakat akan menjadi aman damai jika semua orang suka bersedekah sama ada dalam bentuk pemberian wang atau sebarang bentuk bantuan. Hidup akan lebih harmoni apabila semua orang murah memberikan senyuman.

Di samping itu, pemberian sedekah dan infak juga akan membuka pintu rezeki kepada pemberi. Sebaliknya menahan infak boleh membawa kepada kebinasaan.

Allah SWT berfirman,

فُلْ إِنَّ رَبِّيَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرِّزْقِينَ

“Katakanlah, “Sesungguhnya Tuhan ku melapangkan rezeki bagi siapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkan bagi (siapa yang dikehendaki-Nya)”. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka Allah akan menggantinya dan Dialah Pemberi rezeki yang sebaik-baiknya.” (Saba: 39)

Rasulullah ﷺ pula bersabda,

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ، إِلَّا مَكَانٌ يَنْزَلُهُ، فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلَفًا، وَيَقُولُ الْآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَنَفَّا

“Tidak ada suatu hari pun ketika seorang hamba melalui subuhnya kecuali akan turun dua malaikat kepadanya, lalu salah satunya berdoa; Ya Allah, berikanlah pengganti bagi siapa yang menginfakkan hartanya. Sedangkan yang satunya lagi berdoa; Ya Allah, berikanlah kehancuran (kebinasaan) kepada orang yang menahan hartanya.” (Bukhari)

Ketika sedekah dan infak boleh mengelakkan bencana dan menambahkan rezeki, menahan diri dari sedekah dan infak akan membawa kepada kehancuran. Sebagai individu dalam sebuah kerajaan, sedekah dan infak boleh mengelakkan kehancuran. Pada peringkat kerajaan, amalan ini perlu digalakkan. Para pemimpin perlu memberikan contoh baik yang boleh menjadi ikutan rakyat.

3.4 Membela anak yatim

Dalam masyarakat manapun, kewujudan anak-anak yatim tidak terkecuali. Kehilangan ibu bapa mungkin memberi kesan buruk kepada kehidupan dan pendidikan mereka. Persekutaran yang baik sukar untuk diwujudkan yang menyebabkan bakat mereka tersia-sia.. Bahkan sekiranya mereka tidak diberi bimbingan yang sempurna, mereka boleh terjerumus menjadi penjenayah atau perosak.

Mustafa Kemal Attartuk bergelar anak yatim apabila bapanya, Ali Riza meninggal dunia ketika usianya 7 tahun. Ibunya menghantarnya ke sekolah agama. Kemudian Mustafa bertukar ke sekolah biasa. Setelah meningkat dewasa, ibunya mengharapkannya memohon jurusan perniagaan di pusat pengajian tinggi, tetapi Mustafa memilih untuk menyertai akademi tentera.

Malang sekali apabila akhirnya Mustafa menjadi individu yang bertanggungjawab meruntuhkan Khilafah Islamiah. Mustafa juga telah membuang unsur-unsur Islam daripada pemerintahan Turki. Turki yang dahulunya merupakan sebuah kerajaan yang sangat gah dan disegani berubah menjadi negara yang dibelenggu pelbagai masalah akibat dasar-

dasar yang dilaksanakannya. Kerosakan yang telah berlaku hanya dapat diperbaiki sedikit demi sedikit, lama selepas kewafatannya.

Anak yatim yang kurang sentuhan kasih sayang dan kurang diberi perhatian boleh menyebabkan mereka menjadi lebih sensitif dan mengharapkan perhatian. Hati mereka juga kering dan kurang memberi simpati kepada orang lain.

Ada yang berasa rendah diri dengan kemampuan sendiri. Keadaan ini boleh menjadikan mereka kurang pandai bergaul, kurang tepat menilai keadaan dan suka menggunakan orang lain untuk kepentingannya. Merekan suka mendapatkan pengesahan dan pujian orang. Sifat-sifat ini boleh menghalang mereka berjaya dalam hidup tetapi jika berjaya, sebilangannya boleh menyebabkan kerosakan seperti yang dilakukan oleh Mustafa Kemal Attartuk.

Maka dengan itu, pembelaan terhadap anak yatim amat penting dalam Islam. Allah berfirman dalam al-Quran,

“Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim.” (Al-Maa’un: 1-2)

Rasulullah ﷺ pula bersabda,

“Aku dan pemelihara anak yatim di syurga seperti ini (dan beliau memberi isyarat dengan telunjuk dan jari tengahnya, lalu membukanya.” (Hadis Riwayat Bukhari, Tirmidzi dan Abu Daud)

Rasulullah ﷺ sendiri adalah anak yatim. Ayahnya wafat ketika baginda di dalam kandungan. Apabila baginda berusia 6 tahun, ibunya pula wafat. Kemudian Rasulullah ﷺ dijaga dengan penuh kasih sayang oleh datuknya, Abdul Mutualib. Dua tahun kemudian, Abdul Mutualib juga wafat. Lalu Rasulullah ﷺ dijaga pula oleh pakciknya, Abu Thalib yang menyayanginya melebihi anak sendiri. Pendeknya, Rasulullah ﷺ mendapat sepenuh kasih sayang dan perhatian ketika kecil walaupun baginda merupakan anak yatim piatu. Akhirnya kita dapat lihat dalam sejarah, bahawa Rasulullah ﷺ membesar menjadi manusia yang sempurna, berjaya membina tamadun

yang unggul dan menjadi ikutan manusia semua bangsa walaupun agama yang dibawanya adalah yang terakhir.

Zaid bin Thabit adalah penduduk Madinah yang menjadi anak yatim ketika berusia 6 tahun. Zaid telah memeluk Islam sebelum Rasulullah ﷺ berhijrah iaitu pada usianya 9 tahun. Zaid sangat rapat dengan baginda pada waktu itu. Ke mana sahaja Rasulullah ﷺ pergi, Zaid akan mengikut. Ketika Perang Badar, Zaid juga ingin turut serta tetapi ketika itu usianya baru 11 tahun. Umur minimum yang dibenarkan untuk berperang pada masa itu ialah 15 tahun. Jadi, Zaid tidak dapat menyertai Rasulullah pergi berperang.

Rupa-rupanya Zaid adalah seorang anak yang amat berbakat. Rasulullah ﷺ telah menyuruhnya belajar membaca dan menulis dalam Bahasa Ibrani (Hebrew) dan Bahasa Suryani (Aramaik). Dalam masa yang singkat ia telah menguasai kedua-dua bahasa itu di samping Bahasa Arab. Kehandalannya dalam ketiga-tiga bahasa ini menyebabkan Zaid menjadi penulis wahyu apabila Jibril datang membawakan wahyu dari Allah SWT. Zaid juga menjadi penulis surat Rasulullah ﷺ apabila berhubung dengan raja-raja yang berjiran seperti kerajaan Rom-Byzantine dan Parsi. Selepas kewafatan Rasulullah ﷺ, Zaid telah dilantik oleh Khalifah Abu Bakar untuk mengetuai satu pasukan yang mengumpulkan semua ayat al-Quran. Pasukan ini turut menyusun semua ayat seperti naskhah yang kita baca hari ini, mengikut arahan Rasulullah ﷺ. Pada waktu itu, Zaid baru mencecah usia 20-an.

Di samping mengetuai pasukan pengumpul al-Quran, Zaid juga telah diamanahkan menjadi Bendahara, iaitu jawatan setaraf Menteri Kewangan pada zaman kini pada zaman Khalifah Abu Bakar dan Umar. Semasa zaman Khalifah Usman, Zaid dilantik sebagai pengurus Baitul Mal dan pemangku khalifah ketika Khalifah Usman pergi menuaikan haji. Begitulah hebatnya anak yatim yang dijaga oleh Rasulullah ﷺ. Zaid sudah mampu memikul amanah yang besar dan berat seawal usia 20-an dan 30-an.

3.5 Persaudaraan dan taawun

Kerajaan Majapahit ialah sebuah kerajaan yang amat besar di rantau ini. Ia diasaskan oleh Raden Wijaya pada tahun 1293. Puncak kegemilangannya adalah ketika Hayam Wuruk menjadi raja pada tahun 1350 hingga 1389. Pada masa itu, wilayahnya merangkumi Indonesia sekarang, Filipina, Malaysia, sebahagian Thailand dan Kemboja. Malangnya selepas berlaku persengketaan dalam keluarga diraja, kerajaan yang besar itu terbahagi dua.

Bhre Kertabumi dengan gelaran Brawijaya V yang memerintah dari tahun 1468 telah dibunuhan pada tahun 1478 oleh anak saudaranya sendiri, iaitu Ranawijaya. Lalu ia mengistiharkan dirinya menjadi Raja Majapahit dengan gelarana Brawijaya VI.

Anak Bhre Kertabumi, Raden Fatah yang memerintah di Demak, menuntut bela, lalu menyerang ibu kota Mojopahit, iaitu Trowulan, Mojokerto (Maja Karta). Raden Fatah seterusnya dapat menawan ibu kota yang menyebabkan Ranawijaya berundur ke hulu Sungai (Kali) Brantas dan memerintah dari Daha. Raden Fatah tidak memburunya kerana Ranawijaya adalah sepupunya. Akan tetapi Ranawijaya telah dibunuhan oleh panglimanya sendiri, Patih Udara. Panglima Patih kemudian mengisyiharkan dirinya sebagai raja pada tahun 1498. Bagi mengelakkannya diserang oleh Raden Fatah, Patih Udara mengisyiharkan kerajaannya bernaung di bawah Kerajaan Demak. Maka kerajaan Majapahit yang besar dan gagah itu telah menjadi jajahan kepada Kerajaan Demak. Sebelum itu Kerajaan Demak bernaung di bawah Majapahit ketika ayahanda Raden Fatah menjadi raja.

Pada tahun 1518, Patih Udara telah mengkhianati Demak dengan berpaktat bersama Portugis yang telah bertapak di Melaka untuk menyerang Demak. Raden Fatah tidak membuang masa lalu melanda Daha dan membunuh Patih Udara. Maka tamatlah riwayat Kerajaan Majapahit selepas 225 tahun menjadi kuasa besar.

Itulah padah persengketaan dan saling bermusuhan. Lawan kepada persengketaan dan permusuhan ialah persaudaraan dan taawun, iaitu saling menolong. Amalan ini perlu dipupuk ke segenap lapisan masyarakat dari bawah hingga ke atas.

Allah berfirman dalam al-Quran,

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِحْوَةٌ فَاصْلِحُوا بَيْنَ أَهْوَيْكُمْ وَأَنْفُوا اللَّهَ لِعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”. (Hujurat: 10)

تَعَذُّرُوا وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالنَّقْرَ

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa.” (Maidah: 2)

Persengketaan memang biasa berlaku. Akan tetapi jika semua orang menghidupkan semangat bersaudara dan taawun, persengketaan boleh reda dan tidak menyebabkan keruntuhan. Dalam sejarah Islam terdapat persengketaan tetapi akhirnya ia reda. Bukankah Umar, Usman dan Ali dibunuhi ketika memegang jawatan khalifah? Bukankah berlaku perperangan antara Ali dan Muawiyah? Tetapi semua persengketaan itu tidak menyebabkan keruntuhan kerana rakyat hidup dalam suasana bersaudara dan taawun.

3.6 Menunaikan hajat

Zulkarnain adalah nama yang terkenal kerana ia adalah seorang raja yang memiliki wilayah yang amat besar. Ceritanya terdapat dalam surah al-Kahfi. Di dalam al-Quran, tidak disebutkan siapa sebenarnya Zulkarnain ini. Namun ahli sejarah Eropah mengatakan Zulkarnain adalah Alexander the Great, tetapi perangai Alexander tidak sama dengan Zulkarnain. Oleh itu setengah ulama mengatakan Cyrus Agung adalah Zulkarnain yang hidup

dari tahun 600 hingga 530 Sebelum Masihi. Pemerintahannya berjalan selama 30 tahun. Wilayah kekuasaannya sangat luas, sehingga Laut Mediterranean di barat, India di Timur, di utara sampai ke Balkan dan Mesopotamia, manakala di selatan hingga ke Lautan Hindi. Zulkarnain adalah seorang raja yang adil dan baik. Beliau telah menjelajah ke barat dan telah menunaikan hajat rakyat yang tertekan dengan menumbangkan raja-raja yang zalim dan kufur. Kemudian beliau memerintahkan rakyat menurut perintah Allah.

Zulkarnain juga menjelajah ke timur dan melakukan perkara yang sama. Kemudian menjelajah ke wilayah lain dan berjumpa dengan satu kaum yang sangat berhajat kepadanya untuk melindungi mereka daripada Yakjuj dan Makjuj (*Gog and Magog*). Mereka memintanya membina tembok penghalang dan sanggup membuat bayaran. Zulkarnain, dengan menggunakan kepakaran kejuruteraan kerajaannya telah membina tembok itu dengan besi dan tembaga dengan percuma sahaja. Tembok itu sangat kuat sehingga tidak boleh ditembusi dan tidak boleh dipanjang.

Itulah Zulkarnain, seorang raja yang sangat dedikasi dan sanggup menunaikan hajat orang-orang yang teraniaya dengan kekuatan ketenteraan dan teknologinya. Kerajaannya maju berkembang kerana rakyat tahu beliau merupakan seorang raja yang amat prihatin lalu memilih untuk bernaung di bawahnya. Bahkan dengan menunaikan hajat mereka itu, Allah mengurniakannya kekuasaan dan kemudahan untuk mencapai kejayaan.

Amalan menunaikan hajat ini bukanlah terhad hanya kepada raja tetapi perlu ada pada semua peringkat dan lapisan masyarakat.

Rasulullah ﷺ bersabda,

“Siapa yang menunaikan hajat saudaranya maka Allah akan menunaikan hajatnya...” (Hadis Riwayat Muslim)

“Tidaklah kamu diberi pertolongan dan diberi rezeki melainkan kerana orang-orang lemah dalam kalangan kamu.” (Riwayat Bukhari)

3.7 Pendidikan berkualiti

Nabi Ibrahim a.s. berdoa kepada Allah,

رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَالْحِقْنَى بِالصَّالِحِينَ

"Wahai Tuhan ku, berikanlah daku hikmah dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang soleh." (Asy-Syuaraa': 83)

Maksud hikmah adalah kebijaksanaan dan kecerdikan kurniaan Allah daripada ilmu yang luas dan tinggi. Itulah yang didoakan oleh Nabi Ibrahim a.s. supaya baginda dapat mencapai taraf berhikmah, bukan sekadar berpengetahuan.

Allah SWT pula berfirman,

فَإِنْ شُرُّوا يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۝ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

"Allah meninggikan darjah orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjah. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan." (Ai-Mujadilah: 11)

Mari kita lihat bagaimana pendidikan berkualiti telah menjelaskan sebuah masyarakat yang tidak dikenali di Mekah dan Madinah tiba-tiba menjadi sebuah kuasa besar. Bandar Mekah telah diasaskan oleh Nabi Ibrahim. Perkembangan Mekah agak perlahan pada mulanya tetapi selepas Nabi Muhammad diutuskan, Mekah berkembang dengan sangat pesat. Ketika Nabi Muhammad memulakan dakwah, sangat sedikit orang yang pandai membaca dan menulis di Mekah dan Madinah. Selepas peristiwa Hijrah, baginda banyak menekankan pendidikan dan telah mewajibkan semua orang menuntut ilmu, sama ada lelaki atau perempuan. Masjid dijadikan

institusi pendidikan yang utama. Pelbagai aktiviti pembelajaran-pengajaran dilakukan di masjid, termasuklah ilmu dan kemahiran dalam peperangan.

Berbagai-bagai kaedah pengajaran telah digunakan seperti syarahan, halaqah yang berasaskan pembelajaran sesama rakan (*peer learning*), pembelajaran dalam konteks, bercerita, melukis, demonstrasi, belajar dengan membuat, menyoal, pembelajaran berasaskan masalah dan lain-lain. Pendidikan ini telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh besar, tua dan muda, lelaki dan perempuan. Ketika Rasulullah ﷺ wafat, negara yang asalnya sebuah bandar kecil, telah berkembang menjadi sebuah negara besar yang meliputi Arab Saudi sekarang berserta Yaman dan negara-negara Teluk.

Tidak lama selepas kewafatan Rasulullah ﷺ semasa pemerintahan Khalifah Umar, Parsi telah dapat ditumbangkan dan ditawan manakala sebahagian wilayah Rom-Byzantine telah dapat ditakluk. Semasa zaman Muawiyah, hanya selepas 29 tahun kewafatan Rasulullah ﷺ orang padang pasir ini telah berjaya membina kapal-kapal perang dan menawan wilayah Rom-Byzantine satu persatu di Afrika Utara.

Tradisi mengutamakan pendidikan ini berterusan selama hampir seribu tahun kemudian. Masjid serta kompleks pendidikan di tepi masjid merupakan institusi pendidikan yang amat penting. Tempat-tempat ini dinamakan ‘jamiah’ yang kemudian diterjemahkan sebagai universiti di Eropah. Jamiah-jamiah di Kordova, Toledo dan Madrid yang pada masa itu merupakan wilayah Islam, telah menjadi pusat pendidikan tinggi di Eropah.

Baghdad, Kaherah dan beberapa kota di Maghribi telah menjadi pusat pendidikan tinggi dan melahirkan tokoh-tokoh yang terkenal di dunia. Antaranya ialah:

Abu Nasr Al-Farabi (872 – 950M)

Beliau dikenali di Eropah dengan nama Alpharabius. Merupakan seorang ahli sains dan falsafah. Dari segi falsafah, di Eropah beliau dikenali sebagai Guru Kedua selepas Aristotle.

Al-Battani (858 – 929M)

Nama sebenarnya ialah Abu Abdullah Muhammad Ibnu Jabir. Di Eropah, beliau dikenali dengan nama Albatenius. Merupakan pakar matematik dan seorang ahli astronomi. Al-Battani terkenal kerana memperkenalkan trigonometri dengan menyediakan sifir sains dan tangen. Di samping itu, Al-Battani juga berjaya membuktikan pengiraan bilangan hari dalam setahun dengan tepat.

Ibn Sina (980 – 1037M)

Nama sebenarnya ialah Abu Ali Al-Husain bin Abdullah. Ibn Sina merupakan pakar dalam bidang falsafah dan kedoktoran. Di Eropah, beliau dikenali dengan nama Avicenna dan dikenang sebagai Bapa Perubatan Moden.

Muhammad ibn Musa Al-Khawarizmi (780 – 850M)

Al-Khawarizmi adalah seorang ahli matematik yang amat terkenal. Beliaulah yang memulakan algebra. Di Eropah, beliau dikenali dengan nama Algoritmi atau Algaurizin. Istilah algorithm hari ini adalah bersempena dengan namanya.

Abu Bakr Al-Razi (865 – 925M)

Nama sebenarnya ialah Abu Bakar Muhammad bin Zakaria. Di Eropah, Abu Bakr dikenali dengan nama Rhazes. Kepakarannya adalah dalam bidang perubatan dan kimia. Beliau terkenal dengan kaedah-kaedah eksperimen perubatan yang diperkenalkannya. Akan tetapi Abu Bakr lebih dikenali sebagai Bapa Psikologi dan Psikoterapi.

Ibn Al-Haytham (965 – 1040M)

Nama sebenarnya ialah Hassan ibnu al-Haytham. Di Eropah, beliau dikenali dengan nama Alhazen. Ibn Al-Haytham terkenal kerana sumbangannya tentang teori-teori asas optik yang menjadi asas kepada kamera dan alat-

alat optik hari ini. Beliau juga terkenal kerana telah memperkenalkan kaedah-kaedah eksperimen yang rumit.

Ibn Khaldun (1332 – 1406)

Nama sebenarnya ialah Abu Zaid Abdul Rahman ibnu Muhammad ibnu Khaldun. Beliau terkenal sebagai pakar sosiologi. Antara bukunya yang terkenal ialah Muqaddimah yang telah diterjemahkan kepada banyak bahasa. Buku ini masih lagi dijual hingga hari ini dengan meluas. Buku edisi terjemahan ini boleh didapati dalam Bahasa Inggeris, iaitu *Introduction*, yang boleh dibeli di Amazon.com.

Ismail Al-Jazari (1136 – 1206)

Al-Jazari terkenal kerana bukunya *Kitab fi makrifah al-Hail al-Handasiyah*, iaitu buku berkenaan pengetahuan kejuruteraan. Sumbangannya yang terbesar adalah membina pam air yang digerakkan oleh kincir air. Kemudian beliau membuat sistem bekalan air ke seluruh bandar Diyarbakir. Seterusnya pembinaan jam besar di tengah-tengah bandar. Hasil rekaciptanya kemudian telah menjadi standard di bandar-bandar utama pada zamannya.

Pada kurun ke-17, kualiti pendidikan kurang mendapat perhatian dalam dunia Islam. Menurunnya kualiti pendidikan sains, matematik dan kejuruteraan telah menyebabkan kelemahan dalam persenjataan dan ketenteraan. Menurunnya kualiti pendidikan agama pula telah menyebabkan kelemahan dalam berfikir dan akhlak serta lemahnya hubungan dengan Allah. Natijahnya, satu demi satu kerajaan Islam runtuh lalu dijajah Barat.

3.8 Keamanan dan keadilan

Nabi Nuh adalah seorang yang sangat dikenali. Masyarakat Barat menyebut namanya sebagai Noah manakala masyarakat Hindu menyebut namanya sebagai Manu. Semasa hidupnya, Duramsyil adalah raja yang memerintah. Duramsyil merupakan seorang raja yang zalim. Dialah raja yang terawal mencipta arak sebagai minuman, membuat baju yang dihiasi emas dan juga merupakan raja yang pertama membina berhala untuk dipuja dan disembah. Rakyatnya diperlakukan dengan zalim dan negaranya kucar-kacir.

Lantas Allah mengutus Nabi Nuh a.s. untuk memberi peringatan dan mengembalikan mereka ke jalan kebenaran. Malangnya Raja Duramsyil tetap zalim, bahkan mengancam usaha Nabi Nuh. Hanya sedikit sahaja rakyat yang mengikut Nabi Nuh. Allah menurunkan bala yang akhirnya seluruh kerajaan Duramsyil binasa ditenggelamkan oleh banjir besar. Sebaliknya Nabi Nuh dan pengikutnya serta haiwan dan tumbuhan penting selamat kerana Allah SWT telah memerintahkannya untuk membina kapal besar sejak awal lagi.

Berbeza pula dengan Mekah. Ketika Nabi Ibrahim ingin membuka kota itu, baginda telah berdoa supaya menjadi tempat ini diberi keamanan. Buktinya, ketika wilayah di sekitarnya kacau bilau sebelum kedatangan Islam, Mekah tetap aman damai.

Perkara ini diceritakan Allah seperti berikut:

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا إِمَّا وَيُتَحَطَّفُ الْنَّاسُ مِنْ حَوْلِهِمْ أَفَبِالْبَطْلَلِ يُؤْمِنُونَ
وَبِنِعْمَةِ اللَّهِ يَكُفُّرُونَ ٦٧

“Dan apakah mereka tidak memerhatikan, bahawa sesungguhnya Kami telah menjadikan (negeri mereka) tanah suci yang aman, sedang manusia sekitarnya rompak-merompak. Maka mengapa (sesudah nyata kebenaran) mereka masih percaya kepada yang batil dan ingkar kepada nikmat Allah?” (Al-‘Ankabut : 67)

Nabi Daud, ketika menjadi raja, telah berjaya mewujudkan suasana yang aman damai serta adil. Kerajaan baginda berkembang begitu pesat lebih-lebih lagi ketika Nabi Sulaiman memerintah.

Allah berfirman,

يَدْأُو دُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعْ أُلْهَوِي
فَيُضْلِلَكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضْلِلُونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا
نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ ۖ ۲۶

"Hai Daud, Kami telah memberi mu kurnia sebagai khalifah (pemimpin) di muka bumi, maka berikanlah keputusan-keputusan antara manusia dengan keadilan. Jangan sampai terbawa oleh hawa nafsu, sebab perkara itu akan membawa mu kepada kesesatan. Sesungguhnya hamba yang telah tersesat akan mendapatkan azab yang pedih dari Allah SWT disebabkan mereka lupa adanya hari akhir." (Sad: 26)

Perintah Allah SWT amat jelas supaya keadilan ditegakkan. Tanpa keadilan, masyarakat akan rosak, bahkan boleh menimbulkan pemberontakan. Bukanakah banyak kerajaan yang tumbang disebabkan rakyat memberontak atau berpaling tada dengan membantu musuh?

Allah telah memerintahkan supaya pemimpin sentiasa berlaku adil,

يَا يَاهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا كُوْنُوا قَوْمِينَ لِهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِي مِنْكُمْ
شَيْئًا قَوْمٌ عَلَىٰ أَلَا تَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَأَنَّقُوا اللَّهَ إِنَّ
الَّهَ حَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ۸

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juar kerana sikap adil itu lebih

hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (Maidah: 8)

3.9 Kebebasan

Ketika tentara Islam berhadapan dengan tentera Parsi di Qadisiyah, panglima perang Parsi, Rustam Farrokhzad al-Armani telah menghantar utusan kepada panglima perang Islam, Saad bin Abi Waqqas. Rustam hendak meminta Saad supaya menghantar wakil untuk berunding bagi mencari jalan mengelakkan perperangan. Lalu Saad mengutus al-Mughirah bin Syu’bah.

Rustum berkata kepada al-Mughirah, “Kalian adalah jiran kami, sebelum ini kami selalu berbuat baik kepada kamu dan menahan diri untuk tidak mengganggu kamu, maka pulanglah ke negeri kamu, kami tidak akan menghalangi laluan perdagangan kamu untuk masuk ke negeri kami.”

Al-Mughirah menjawab, “Kami tidak menginginkan dunia, tetapi yang kami cari dan harapkan adalah akhirat. Dan Allah telah mengutus Rasul-Nya kepada kami dan Allah berkata padanya, “Sesungguhnya Aku akan mengalahkan orang-orang yang tidak mahu beragama dengan agama yang Aku turunkan, dan Aku akan menghukum mereka melalui tangan umatnya, dan Aku akan tetap memenangkan mereka selama mereka tetap mengakui agama ini. Inilah agama yang hak, siapa yang menolaknya akan dihinakan dan yang berpegang teguh dengannya akan dimuliakan.”

Rundingan ini akhirnya gagal mencapai kata putus. Lalu Rustam meminta supaya dihantar wakil yang lain untuk meneruskan rundingan mencari kata sepakat. Saad menghantar pula Rub'i bin Amir. Ketika Rub'i tiba, Rustam bertanya kenapa mereka datang untuk berperang? Jawab Rub'i, “Allah telah membangkitkan kami untuk mengeluarkan sesiapa sahaja yang Diakehendaki daripada perhambaan terhadap sesama hamba kepada perhambaan kepada Allah, dari kesempitan dunia kepada keluasannya, dari

kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam. Maka Dia membangkitkan kami dengan agama-Nya untuk kami seru mereka kepadanya. Maka sesiapa yang menerima perkara tersebut, kami akan menerimanya dan pulang meninggalkannya. Tetapi sesiapa yang enggan, kami akan memeranginya selama-lamanya sehingga kala kami berjaya memperoleh apa yang dijanjikan Allah SWT.”

Perundingan kali kedua ini turut gagal mencapai kata putus. Lalu sekali lagi Rustam meminta Saad menghantar wakil yang lain. Kali ketiga ini Saad menghantar Huzaifah bin Mihsan. Perundingan berlangsung sama seperti dengan Al-Mughirah dan juga Rub'i. Maka perperangan tidak dapat dielakkan. Dalam tempoh 4 hari sahaja tentera Rustam telah dikalahkan dan Kerajaan Sassanid Parsi akhirnya ditumbangkan.

Kunci kepada semua rundingan itu adalah membebaskan manusia daripada perhambaan kepada manusia. Juga supaya manusia mengabdikan diri kepada Allah, Tuhan sekalian alam. Kebebasan ini menarik ramai orang, termasuk Rustam sendiri apabila mendengar ucapan Al-Mughirah, Rub'i dan Huzaifah bin Mihsan, tetapi dibantah oleh pembesar-pembesarnya. Rakyat biasa sangat tertarik dengan konsep pembebasan ini, lantas menyebabkan rakyat Parsi, termasuk tenteranya sediri berpaling tadah. Perkara yang sama berlaku ketika perperangan dengan Rom-Byzantine.

Saad bin Waqqas sendiri, selepas mengalahkan Parsi, telah meneruskan dakwah ke arah timur atas perintah Khalifah Usman bin Affan. Dengan konsep kebebasan dari cengkaman sesama manusia kepada pengabdian kepada Allah, delegasi Saad diterima di Afghanistan, India dan Bangladesh. Apabila rombongannya sampai di negara China, Maharaja Yong Hui dari Dinasti Tang menerima dengan senang hati. Peristiwa ini berlaku dianggarkan pada tahun 652M. Maharaja Yong Hui telah memberikan sebahagian tanah di Guangzhou untuk membina masjid. Masjid ini kemudian dikenali dengan nama masjid Huaisheng atau Masjid Saad bin Waqqas. Orang Cina percaya bahawa makam Saad bin Waqqas terletak berhampiran masjid itu.

Demikianlah Islam berkembang dengan pesat kerana membebaskan manusia daripada penindasan dan perhambaan. Akan tetapi, apabila penguasa-penguasa Islam itu mula menjadi zalim dan menindas rakyat, maka berlakulah keruntuhan kerajaan demi kerajaan, termasuklah kerajaan Melaka.

3.10 Peraturan, undang-undang

Peraturan dan undang-undang amat perlu untuk menjamin keselamatan jiwa, harta, ketenteraman awam dan keturunan. Ketiadaan atau kelemahan peraturan dan undang-undang menyebabkan manusia bertindak zalim tanpa halangan. Mereka yang berkuasa dan berharta boleh bertindak sesuka hati. Semua sikap ini mampu mengundang kehancuran sesebuah negara atau kawasan. Kehancuran itu boleh terjadi dalam bentuk bencana yang dikirimkan Allah SWT, serangan musuh, kelemahan ekonomi atau pemberontakan rakyat.

Dalam al-Quran ada diceritakan sepintas lalu mengenai Ashabul Kahfi. Dalam kalangan orang Barat, cerita ini terkenal dengan nama *Seven Sleepers*. Pakar sejarah berpendapat cerita ini terjadi di Ephesus, Turki. Orang Arab menyebut tempat ini sebagai Tarsus. Ephesus adalah sebuah kawasan pelabuhan di laut Mediteranean yang sangat maju pada zaman puncaknya. Pada masa itu, Ephesus ditadbir di bawah Kerajaan Rom dan raja yang memerintah ialah Diqyanus yang dikenali dengan nama Decius di Eropah. Diqyanus memerintah dari tahun 249 hingga 251. Ketika pemerintahannya, kata-katanya adalah undang-undang. Kehendaknya ialah peraturan yang wajib ditaati. Sesiapa yang ingkar akan dihukum. Diqyanus sendiri tidak terikat dengan mana-mana undang-undang dan peraturan. Dia meletakkan dirinya atas undang-undang. Semua undang-undang dan peraturan yang dibuat sentiasa berubah mengikut kehendaknya. Dia seolah-olah bertindak seperti Tuhan.

Pada masa itu juga, terdapat sekumpulan pemuda beragama Kristian yang sangat taat kepada Allah SWT. Tentu sahaja mereka mengingkari raja apabila perintahnya bertentangan dengan perintah Allah SWT. Apabila perkara ini sampai ke pengetahuan raja, mereka lari bersembunyi di dalam sebuah gua. Akibat keletihan, mereka lalu tertidur. Tanpa mereka sedari, sebenarnya Allah SWT telah menidurkan mereka selama 309 tahun (atau 300 tahun mengikut kiraan tahun matahari).

Ketika mereka tidur, pada tahun 251, Kerajaan Rom telah diserang oleh orang-orang Gothic. Sang raja, Diqyanus, terbunuuh dan Ephesus hancur. Pada tahun 359, Kerajaan Rom-Byzantine telah berjaya menawan Ephesus dan membangunkannya semula. Pada kurun ke-6, Ephesus telah menjadi pelabuhan penting semula selepas Constantinople. Pada masa itu, kerajaan Rom-Byzantine telah menjadikan Kristian sebagai agama rasmi. Ketika inilah, iaitu sekitar tahun 551, pemuda-pemuda yang tidur tadi bangun. Mereka menyangka mereka tertidur hanya sebentar sahaja. Kemudian, salah seorang daripada mereka pergi ke bandar untuk membeli makanan. Alangkah terkejutnya pemuda itu apabila melihat perubahan bandar yang telah berlaku. Penjual roti juga berasa terkejut melihat wang yang digunakan oleh pemuda itu telah berusia hampir 300 tahun.

Dipendekkan cerita, pemuda-pemuda itu selamat tetapi Ephesus hancur akibat raja yang menjadikan dirinya ‘undang-undang dan peraturan’. Kesan kehancuran itu masih dapat disaksikan hingga ke hari ini.



Runtuhan Perpustakaan Celsus yang pernah menyimpan khazanah ilmu Ephesus.



Jalan raya utama dan runtuhannya sebahagian rumah orang kenamaan Ephesus.



Runtuhannya Amphitheater di Ephesus.

Ketidaaan undang-undang dan peraturan yang jelas akan membawa kehancuran. Undang-undang dan peraturan yang tidak betul juga mengundang keruntuhan. Undang-undang dan peraturan yang boleh membawa kemajuan mestilah mempunyai unsur-unsur berikut:

- Jelas dan mudah difahami. Di dalam al-Quran, ada diterangkan perkara ini dalam surah Al-Baqarah, ayat 282-283
- Istiqamah dan teguh seperti yang diterangkan dalam al-Quran pada surah Fussilat, ayat 30
- Telus seperti yang disebutkan dalam al-Quran pada surah Al-Maidah ayat 48
- Adil seperti yang disebutkan dalam al-Quran pada surah al-Maidah ayat 8
- Setiap orang terikat dan bertanggungjawab dengan apa yang dilakukannya, tiada yang di atas undang-undang. Ini disebutkan dalam a-Quran pada surah Al-Muddathir ayat38
- Setiap orang dihisab segala perbuatannya (*accountability*) seperti yang disebutkan dalam al-Quran pada surah al-Zalzalah ayat 7 - 8

3.11 Penjagaan kesihatan yang baik

Pandemik Covid-19 yang bermula pada awal tahun 2020 dan berlanjutan selama dua tahun telah menunjukkan kepada kita betapa pentingnya penjagaan kesihatan. Ketika Rasulullah ﷺ bercakap mengenai wabak penyakit, baginda mencadangkan supaya permusafiran dihentikan serta-merta.

Rasulullah ﷺ bersabda,

“Jika kamu mendengar taun (wabak penyakit) di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di situ, jangan kamu keluar daripadanya.” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Selama dua tahun kita menghadapi pelbagai kekangan pergerakan setelah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Pergerakan yang sangat terhad telah menyebabkan aktiviti ekonomi hampir terhenti. Ramai yang hilang pekerjaan dan banyak perniagaan terpaksa gulung tikar. Paling menyayat hati apabila hampir 10.5 juta kanak-kanak menjadi yatim piatu dan 7.5 juta lagi kehilangan salah seorang ibu bapa mereka.

Negara yang mempunyai sistem penjagaan kesihatan yang kurang baik adalah yang paling terkesan. Contohnya India, sehingga 1 Mei 2022, sebanyak 3.9 juta kanak-kanak telah menjadi yatim piatu akibat Covid-19. Di samping kematian, banyak juga yang terlantar sakit. Sekatan pergerakan dan jumlah pesakit yang meningkat telah menyebabkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) India menguncup sebanyak 23.9% pada penggal pertama tahun kewangan 2020-2021.

Penjagaan kesihatan perlu dilihat dari sudut gaya hidup setiap individu dalam masyarakat. Pemerintah perlu berkempen supaya setiap orang mengamalkan gaya hidup sihat.

Abu Juhaifah Wahb bin Abdillah r.a. menceritakan,

“Nabi ﷺ mempersaudarkan Salman al-Farisi dan Abu Darda’ r.a. Setelah itu Salman r.a. mengunjungi Abu Darda’ r.a. Dia melihat Ummu Darda’ r.a. memakai pakaian kerja dan tidak mengenakan pakaian yang bagus. Salman r.a bertanya kepadanya, “Wahai Ummu Darda’, kenapa engkau berpakaian seperti itu?” Ummu Darda’ ra menjawab, “Saudara mu Abu Darda’ r.a sedikit pun tidak memberi perhatian terhadap isterinya. Pada siang hari dia berpuasa dan pada malam hari dia selalu solat malam.” Lantas datanglah Abu Darda’ r.a. menghidangkan makanan kepadanya seraya berkata, “Makanlah, sesungguhnya aku sedang berpuasa”. Salman r.a. menjawab, “Aku tidak akan makan hingga engkau makan.” Lantas Abu Darda’ r.a. pun

turut sama makan. Tatkala malam tiba, Abu Darda' r.a. ingin mengerjakan solat. Akan tetapi, Salman r.a. menegurnya dengan mengatakan, "Tidurlah," dan dia pun tidur. Tak lama kemudian dia bangun lagi untuk bersolat dan Salman r.a. berkata lagi kepadanya, "Tidurlah." Ketika malam sudah larut Salman r.a. berkata kepada Abu Darda' r.a., "Wahai Abu Darda', sekarang bangunlah.". Maka kedua-duanya pun bangun mengerjakan solat bersama. Setelah selesai solat, Salman r.a. berkata kepada Abu Darda' r.a., "Sesungguhnya Tuhan mu mempunyai hak ke atas dirimu, **badan mu mempunyai hak atas diri mu** dan keluarga mu juga mempunyai hak ke atas dirimu. Maka, tunaikanlah hak mereka." Selanjutnya, Abu Darda' r.a. mendatangi Rasulullah ﷺ dan menceritakan kejadian tersebut kepada baginda. Baginda menjawab, "Salman benar." (Hadis Riwayat Bukhari)

Disebabkan itu, setiap kerajaan perlu menyediakan pusat-pusat penjagaan kesihatan seperti hospital, pusat kesihatan masyarakat dan klinik untuk memastikan rakyat dapat mengakses perkhidmatan kesihatan dengan mudah.

Rasulullah ﷺ bersabda,

"Sesungguhnya Allah yang menurunkan penyakit dan ubatnya. Allah menjadikan ubat bagi setiap penyakit, maka berubatlah tetapi jangan berubat dengan yang haram". (Hadis Riwayat Abu Daud)

3.12 Keadilan jantina

Sebelum kelahiran Nabi Muhammad ﷺ sebahagian orang Arab dan beberapa bangsa lain merasa malu apabila mendapat anak perempuan. Bahkan kaum perempuan tidak mendapat hak dari segi pemilikan harta, pusaka, pendidikan dan tuntutan cerai. Apabila Islam muncul, hak-hak wanita telah diinstitusikan.

Allah SWT berfirman,

فَلَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمِيلٍ مِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ
أَنِّي أَعْضُكُمْ مِنْ بَعْضٍ

Maka Tuhan mereka memperkenankan doa mereka (dengan firman-Nya): "Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain." (Ali Imran ayat 195)

Kedatangan Islam telah banyak merubah struktur masyarakat Arab. Kaum perempuan telah diberikan hak undang-undang sehingga mereka boleh menuntut kepimpinan negara. Ketika akses pendidikan sangat sukar perempuan di zaman Islam telah mendapat pendidikan yang secukupnya. Keadaan ini memantapkan kualiti keluarga seterusnya generasi yang berikutnya berupaya mendapat pendidikan awal daripada ibu mereka.

Mari kita lihat pula apa yang terjadi kepada negeri yang menjadikan perempuan sebagai objek yang diperdagangkan atau objek melampiaskan nafsu.

Sebagai contoh, Pompeii di Itali. Pompeii amat maju dari segi pembangunan fizikal. Bandar itu dibangunkan secara terancang dan indah tetapi di sana ada banyak rumah pelacuran. Lukisan-lukisan di dinding bangunan kebanyakannya menunjukkan gambar-gambar lucu. Ketika penduduknya bersuka ria dan sibuk dengan maksiat, tiba-tiba gunung berhampiran, Gunung Vesuvius meletus, memuntahkan bertan-tan debu yang amat panas dan gas beracun. Penduduk Pompeii tidak sempat menyelamatkan diri. Peristiwa ini berlaku pada tahun 79.

Debu yang dihamburkan oleh Gunung Vesuvius telah menyeliputi segenap bandar Pompeii serta penduduknya. Hanya pada tahun 1592 baru bandar ini ditemukan semasa kerja-kerja menggali. Kerja-kerja mengorek timbunan debu gunung itu berlanjutan selama hampir 300 tahun. Pakar-pakar arkeologi sehingga hari ini masih mengkaji keadaan tubuh-tubuh manusia yang tertimbun dan mengeras seperti batu Malangnya tubuh-tubuh yang mengeras itu ada yang dalam keadaan sedang melakukan maksiat.

3.13 Bekalan air bersih dan sanitasi

Bekalan air bersih dan sanitasi sangat penting kerana banyak penyakit berjangkit berpunca daripada bawaan air atau disebabkan oleh air yang bertakung.

Antara penyakit yang pernah tersebar ialah taun atau kolera. Semasa zaman pemerintahan Umar bin Khattab, penyakit taun bermula di sebuah pekan kecil di Palestin, iaitu Anwas. . Puncanya dipercayai akibat bekalan air yang tercemar. Apabila tentera Islam dapat menawan Palestin, ramai tentera Rom-Byzantine yang terkorban dan tidak sempat dikuburkan dengan cepat. Akibatnya bekalan air tercemar dan menjadi punca penyakit taun ini.

Penyakit ini kemudian tersebar pantas menjadi wabak. Dianggarkan hampir 20,000 orang terkorban, termasuk tentera Islam. Umar pada masa itu dalam perjalanan ke Palestin dari Madinah. Di pertengahan jalan, Umar mendapat berita ini lalu pulang ke Madinah. Umar bertindak demikian mengikut hadis Rasulullah ﷺ iaitu,

“Jika kamu mendengar taun di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di suatu tempat sedangkan kamu berada di situ, jangan kamu keluar daripadanya.” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Semasa Dinasti Ming memerintah negeri China, sejenis wabak telah melanda daerah Shanxi pada tahun 1633. Wabak ini telah merebak ke Beijing dan telah membunuh lebih kurang 200,000 penduduk Beijing. Pada ketika ini petani memberontak dan telah menawan Beijing pada tahun 1644. Tidak lama selepas itu orang-orang Manchu dari utara datang menyerang lalu menawan Beijing dan menubuhkan pemerintahan di bawah Dinasti Manchu.

Tidak jauh dari negara kita, suatu masa dahulu terdapat sebuah kerajaan yang dikenali sebagai Phnom atau Funan yang sangat hebat. Kerajaan ini telah menunjukkan kemajuan ilmu sains dan matematik yang tinggi dan kemahiran kejuruteraan yang hebat. Kesan-kesan kehebatannya dapat

dilihat di tapak ibu kotanya, Yasodharapura. Sekarang ibu kota ini lebih dikenali dengan nama Siam Reap di Kamboja.

Kehebatan kerajaan ini akhirnya tamat pada tahun 1431. Punca utamanya adalah sistem perparitan yang terjejas akibat serangan Siam pada tahun 1393. Parit-parit yang telah rosak ini menyebabkan banyak air bertakung ditambah lagi dengan air limbah yang tidak diurus sempurna. Nyamuk tiruk yang menyebabkan malaria berkembang biak lalu mengorbankan sebahagian besar rakyat kerajaan tersebut.

Berlainan dengan kerajaan Usmaniyah yang telah menyediakan sistem bekalan air bersih bagi rakyatnya. Sistem ini bermula sebelum kewujudan kerajaan Usmaniyah secara rasmi lagi. Seorang jurutera muda di Diyarbakir, Turki telah mencipta pam dan sistem paip retikulasi bekalan air. Jurutera itu lahir pada tahun 1136M. Pada mulanya sistem bekalan air dibina ke masjid dan hospital. Kemudian sistem itu diperluaskan ke seluruh bandar Diyarbakir. Pam air yang dicipta digerakkan oleh kincir air. Kemudian sebuah jam besar turut dibina di pusat bandar Diyarbakir yang turut digerakkan oleh kincir air juga. Akhirnya sistem bekalan air dan jam besar menjadi trend di bandar-bandar Turki dan ke seluruh dunia.



Peninggalan kerajaan Phnom

Bab 4

Pembangunan Alam Sekitar

4.1 Pentingnya hubungan dengan Pencipta dalam pembangunan alam sekitar

Dari tahun 115 sebelum Masihi sehingga tahun 525 Masihi terdapat sebuah kerajaan yang dikenali dengan nama Himyar yang berpusat di Yaman sekarang. Di puncak kejayaannya, empayar ini meliputi seluruh semenanjung tanah Arab dan Iraq. Mereka juga telah berjaya meletakkan Kerajaan Saba' di bawah naungannya. Raja mereka yang terkenal bergelar Tubba'. Atas sebab itu, mereka dikenali dengan nama kaum Tubba'.

Pada mulanya mereka menyembah berhala tetapi kemudian mengikut ajaran Nabi Musa yang menyembah hanya Allah SWT. Dalam Tafsir Ibnu Katsir ada diceritakan sebuah hadis daripada Aisyah r.a. yang mengatakan, Tubba' adalah seorang yang soleh, telah menunaikan haji, pernah menutupi Ka'bah dengan kain dan turut pernah melakukan ibadah korban sebanyak 6,000 ekor unta, dan senantiasa mengagungkan Allah. Dalam sebuah hadis lain yang diriwayatkan oleh Thabrani dari Ibnu Abbas r.a., Rasulullah ﷺ bersabda,

"Janganlah kamu mencaci Tubba' kerana dia telah Islam."

Walaupun Rasulullah ﷺ belum lahir, mereka telah mengetahui akan kehadirannya melalui kitab Taurat. Seorang rajanya yang bernama As'ad bin Kuraib bin Malikraba telah bersyair,

“Aku bersaksi bahawa Ahmad ialah utusan Allah, Pencipta semua nyawa. Kalau usiaku sampai kepada zamannya, nescaya aku menjadi pembela baginya dan aku akan berjuang dengan pedang melawan musuh-musuhnya, dan aku lapangkan segala kesusahan dari dadanya”

Kerajaan Himyar ialah kerajaan yang kaya dan maju dalam bidang pertanian dengan terbinanya sebuah empangan berhampiran ibu kotanya di Maarib. Ekonomi kerajaan ini juga mantap dengan aktiviti perdagangan antarabangsa melalui laut dengan India, China dan Nusantara.

Lama-kelamaan, hubungan mereka dengan Allah semakin lemah. Kejahatan mula dilakukan secara terang-terangan. Malah mereka menyeksa orang-orang Kristian yang telah beriman kepada Allah SWT. Mereka telah menggali parit yang besar dan membakar orang-orang beriman secara hidup-hidup di dalam parit itu. Peristiwa ini diceritakan dalam al-Quran pada surah al-Buruj.

Dalam masa yang sama, mereka tidak menyelenggara empangan besar yang telah mereka bina itu. Akhirnya empangan itu pecah dan membanjiri ibu kota Maarib. Selepas banjir surut, semua ladang-ladang mereka yang bergantung kepada empangan itu, telah binasa. Kejadian ini menunjukkan salah satu contoh bencana alam sekitar yang amat besar impaknya. Tanah-tanah pertanian menjadi kering kontang dan ibu kotanya hancur. Kemudian kerajaan Aksum yang beragama Kristian dan berpusat di Ethiopia datang menuntut bela terhadap pembakaran orang-orang beriman, lalu menyerang dan menawan Kerajaan Himyar. Peristiwa ini berlaku pada tahun 525, iaitu 46 tahun sebelum kelahiran Nabi Muhammad ﷺ.

Kehancuran mereka disebutkan Allah SWT dalam al-Quran untuk memberi amaran kepada orang-orang yang menentang Nabi Muhammad ﷺ. Kerajaan Tubba' yang begitu besar pun hancur apabila mengingkari Allah.

Firman Allah,

أَهُمْ خَيْرٌ أَمْ قَوْمٌ تَّبَعُ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ أَهْلَكْنَاهُمْ إِنَّهُمْ كَانُوا مُّجْرِمِينَ

“Adakah mereka yang lebih kekuatan dan kehandalannya atau kaum Tubba’ dan orang-orang yang terdahulu dari mereka? Orang-orang itu semuanya Kami telah binasakan, kerana sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berdosa.” (Ad-Dukhaan: 37)

4.2 Memelihara bumi

Ketika angkasawan terbang ke angkasa menaiki roket dan berada jauh dari permukaan bumi, mereka dapat melihat pelbagai perkara yang tidak dapat dilihat oleh orang seperti kita. Mereka dapat melihat Bumi dari sudut yang berbeza, seolah-olah seperti bola marmar yang berwarna biru terapung-apung di ruang hampa gas yang luas dan gelap gelita. ‘Bola’ ini diselaputi atmosfera yang sangat nipis. ‘Bola’ itu juga kelihatan sangat rapuh dan boleh berkecaci pada bila-bila masa. Pemandangan indah ini mampu menyentuh jiwa dan minda mereka yang melihat. Begitu juga apabila batas-batas sempadan negara sudah tidak ‘wujud’ dari pandangan jauh di angkasa. Itulah yang dialami oleh salah seorang angkasawan Amerika Syarikat, William Alison Anders.

Anders adalah seorang daripada anak kapal Apollo 8. Bersama dua orang lagi rakannya, mereka adalah yang pertama melepas orbit bumi untuk mengorbit bulan. Pada bulan Disember 1968, Anders bersama rakannya memulakan penerbangan. Ketika mengelilingi bulan, tiba-tiba mereka ternampak bumi daripada kejauhan secara menyeluruh buat pertama kalinya. Bumi tiba-tiba muncul daripada aras ufuk bulan seperti yang kita lihat ketika matahari terbit dari ufuk bumi. Anders dengan pantas mengambil gambar dalam keadaan yang sangat teruja dan berkata, “Kita datang sejauh ini untuk meneroka bulan dan penemuan kita yang paling penting ialah bumi!”

Selanjutnya Anders mengatakan keadaannya seperti duduk di dalam bilik gelap yang mana hanya satu sahaja objek yang boleh dilihat, iaitu objek sebesar bola tenis berwarna biru kehijauan. Objek itu bukan seperti raksasa

besar dan kuat, tetapi lebih kepada bola kecil yang rapuh yang perlu dijaga dengan sangat berhati-hati.

Seorang lagi angkasawan, Thomas Pesquet, telah dua kali menaiki Stesyen Luar Angkasa. Kali pertama pada tahun 2016. Setelah pulang daripada perjalanan yang kedua pada bulan November 2021, Pesquet mempunyai pandangan yang amat berbeza.

Semasa di Stesen Luar Angkasa itu, Pesquet dapat memerhatikan bagaimana kesan perubahan cuaca menjadi semakin nyata. Antaranya adalah air batu di kutub-kutub bumi mula menghilang, pencemaran semakin ketara dan terlihatnya peristiwa-peristiwa cuaca yang melampau.

Sehubungan dengan kerosakan akibat pencemaran ini, Allah SWT berfirman,

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِذِيْقَهُمْ بَعْضَ
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)". (Ar-Ruum:41)

Rasulullah ﷺ pula bersabda,

إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ، وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَحْلِفُكُمْ فِيهَا فَيُنَظِّرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ

"Sesungguhnya dunia itu manis dan hijau, dan sesungguhnya Allah menjadikan kalian khalifah untuk mengelola apa yang ada di dalamnya, lalu Dia melihat bagaimana kalian berbuat." (Hadis Riwayat Muslim).

4.3 Kesederhanaan

Pada suatu hari Umar r.a. memasuki rumah Nabi. Katanya, “Aku lalu masuk menemui Rasulullah ﷺ yang sedang berbaring di atas sehelai tikar. Aku duduk dekat dengannya lalu baginda menurunkan kain sarungnya dan tidak ada sesuatu lain yang menutupi baginda selain kain itu. Ku lihat tikar telah meninggalkan bekas di badan baginda. Kemudian aku melihat ke sekeliling ruang itu. Aku melihat segenggam gandum dan daun penyamak kulit di salah satu sudut kamar berserta sehelai kulit binatang yang belum sempurna disamak. Tiba-tiba aku tidak tahan, kedua mata ku menitiskan air mata.”

Rasulullah ﷺ bertanya, “Apakah yang membuat mu menangis, wahai putera Khattab?”

Aku menjawab, “Wahai Rasulullah, bagaimana aku tidak menangis, tikar itu telah membekas di badan mu dan tempat ini aku tidak melihat yang lain dari apa yang telah aku lihat. Raja Rom dan Raja Parsi bersenang-senang dengan buah-buahan dan sungai-sungai sedangkan engkau adalah utusan Allah dan hamba pilihan-Nya hanya berada dalam sebuah ruang seperti ini”.

Rasulullah ﷺ lalu bersabda, “Wahai putera Khattab, apakah kamu tidak reda jika akhirat menjadi untuk kita dan dunia menjadi untuk mereka?” (Hadis Riwayat Muslim)

Itulah kesederhanaan Rasulullah ﷺ. Baginda telah menjadi ketua kerajaan yang meliputi wilayah kerajaan Saudi, Yaman dan UAE sekarang. Pelabuhan-pelabuhan besar di Yaman dan Qatar pada masa itu telah menjadi pusat perdagangan timur dan barat. Rempah ratus dan emas telah dibawa dari Nusantara manakala sutera dari China dibawa ke pelabuhan itu untuk diniagakan pula di Eropah dan Afrika.

Bermula dengan sebuah pekan yang kecil, Rasulullah ﷺ akhirnya memerintah sebuah kerajaan yang besar dan kaya. Namun begitu, baginda memilih untuk tidak membina istana dan mengumpul kemewahan untuk diri dan keluarganya.

Pada hari ini, jika pembesar-pembesar negara hidup bersederhana, maka lebih banyak sumber boleh dimanfaatkan untuk kesejahteraan masyarakat. Kesederhanaan bermaksud tidak berlebihan, sama ada berlebih ke atas atau ke bawah.

Allah SWT berfirman,

وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

"Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlebihan". (Al-An'am: 141)

Allah SWT juga berfirman,

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

"Dan orang yang apabila menginfakkan hartanya, tidak melampaui batas dan tiada bakhil; perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara." (Al-Furqan: 67)

4.4 Tiada pembaziran

Pembaziran amat merugikan dan menyebabkan sumber yang terhad terbuang dengan sia-sia. Akhirnya sumber yang ada habis dan tidak dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Allah swt telah melarang perbuatan membazir dengan firman-Nya,

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَنَ الشَّيَاطِينِ وَكَانَ الشَّيَاطِينُ لِرَبِّهِمْ كُفُورًا

"Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya." (Al-Isra': 27)

Pada suatu hari, Rasulullah ﷺ berjalan dan lalu hampir dengan Saad yang sedang mengambil wuduk. Kemudian baginda bersabda,

"Pembaziran jenis apakah ini, wahai Saad?"

Maka Saad berkata, "Dalam wuduk pun ada pembaziran?"

Rasulullah ﷺ menjawab, "Ya, walaupun kamu berwuduk dalam sungai yang sedang mengalir." (Hadis Riwayat Ibnu Majah dan Ahmad)

Pada hari ini, inisiatif 3R telah banyak dilaksanakan untuk mengurangkan pembaziran. 3R ialah *Reuse, Reduce, Recycle* (Guna semula, Kurangkan dan Kitar semula). Langkah 3R sekarang giat di laksanakan di Eropah.

Namun sedikit berlainan dengan Greece. Negara ini mempunyai sejarah yang amat panjang. Peninggalan-peninggalan lama masih dapat dilihat sehingga ke hari ini dalam bentuk runtuhan-runtuhan bangunan besar. Inilah yang menjadi daya tarikan utama pelancong yang datang dari seluruh dunia. Di samping itu, syarikat-syarikat perkapalannya amat maju dan memberikan sumbangan yang amat besar kepada ekonominya. Begitu juga dengan bidang pertanian dan telekomunikasi . Pertumbuhan ekonominya dari tahun 1950 hingga 1980 adalah yang tertinggi di Eropah. Situasi ini dianggap sebagai Keajaiban Ekonomi Greece. Ekonominya terus berkembang pesat sehingga tahun 2007 dengan kadar melebihi purata Eropah. Malangnya apabila krisis ekonomi dunia melanda pada tahun 2008, ekonominya menguncup. Rakyat yang sudah biasa hidup senang dan mewah masih membuat tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah walaupun dalam keadaan ekonomi yang meruncing itu. Akibatnya kerajaan Greece hampir muflis. Jika tidak diselamatkan oleh negara-negara Eropah lain, Greece sudah tentu jatuh muflis.

4.5 Menjaga flora dan fauna

Di Palestin, terdapat suatu tempat yang dikenali dengan nama Lembah Tinma. Lembah ini sekarang kering kontang, tiada sebarang pokok dan haiwan. Lembah ini menjadi tempat tarikan pelancong Yahudi kerana

mereka percaya bahawa Nabi Musa ketika terselamat daripada buruan Firaun selepas menyeberangi laut Merah, mereka berkhemah di lembah ini.

Berasaskan kajian arkeologi dan lukisan-lukisan di dinding gua-gua, Lembah Tinma suatu masa dahulu dipenuhi dengan tumbuh-tumbuhan seperti zaitun dan juga haiwan-haiwan liar, terutamanya rusa, kambing dan burung unta. Tempat ini juga sangat kaya dengan tembaga. Semasa zaman Nabi Sulaiman, tembaga sudah dilombong untuk membuat alat-alat pembinaan dan juga alat-alat keperluan rumah.

Bijih tembaga yang digali perlu dipanaskan kepada suhu yang tinggi untuk mendapatkan tembaga. Suhu yang tinggi juga diperlukan untuk menempa tembaga supaya dapat menghasilkan alat-alat yang diperlukan. Selepas zaman Nabi Sulaiman, aktiviti perlombongan, pembakaran dan penempaan tembaga menjadi semakin rancak. Akibatnya pokok-pokok di lembah ini habis ditebang untuk dijadikan kayu api. Kemudian kayu-kayu ini diimport pula dari tempat lain. Akhirnya habis pokok-pokok ditebang menyebabkan banyak haiwan liar pupus. Kerja-kerja mengorek tanah untuk mendapatkan bijih tembaga pula menyebabkan tanah-tanah menjadi gersang. Kesudahannya, Lembah Tinma berubah menjadi padang pasir dan bukit-bukit batu yang kering-kontang.

Sehubungan dengan perkara ini Allah SWT berfirman,

وَإِذَا تَوَلَّ إِلَيْهَا فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهَلِّكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ وَاللهُ لَا يُحِبُّ الْفَسَادَ

“Kemudian apabila ia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusahalah ia di bumi, untuk melakukan bencana padanya, dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia) sedang Allah tidak suka kepada bencana kerosakan.”(Al-Baqarah 2:205)

4.6 Bercucuk tanam

Bercucuk tanam amat penting untuk kemapanan makanan dan juga bekalan oksigen dalam udara. Di samping itu, pokok-pokok mampu mengurangkan suhu udara sekali gus mengurangkan bahaya akibat pemanasan global. Pokok-pokok yang ditanam juga mampu menahan tanah bukit atau cerun daripada runtuh akibat hujan lebat.

Berkenaan bercucuk tanam, Rasulullah ﷺ bersabda, "*Tidaklah seorang muslim yang bercucuk tanam, kecuali setiap tanamannya yang dimakannya bernilai sedekah baginya, apa yang dicuri orang darinya menjadi sedekah baginya, apa yang dimakan binatang liar menjadi sedekah baginya, apa yang dimakan burung menjadi sedekah baginya, dan tidaklah seseorang mengambil darinya, melainkan ia menjadi sedekah baginya.*" (Hadis Riwayat Muslim)

Betapa pentingnya menanam pokok, bahkan ketika hampir kiamat, mereka yang mampu perlu berbuat demikian.

Rasulullah ﷺ bersabda, "*Sekiranya hari kiamat hendak terjadi, manakala di tangan salah seorang di antara kamu ada benih kurma maka apabila dia mampu menanam sebelum terjadi kiamat maka hendaklah dia menanamnya.*" (Hadis Riwayat Bukhari)

Di Turki, Hikmet Kaya dilihat sebagai pahlawan alam sekitar. Hikmet bukanlah seorang perwira tentera dan bukan juga pegawai tinggi. Dia bekerja sebagai juruteknik perhutanan yang bertanggungjawab menjelmakan bukit gersang berhampiran bandar Sinop menjadi hijau dengan jutaan pokok.

Selama 24 tahun Hikmet bertugas di Jabatan Perhutanan, sebanyak 25 juta batang pokok telah ditanam di sebuah bukit yang botak di tepi bandar Sinop. Hikmet memulakan tugas ini pada tahun 1978 dengan bantuan pakar dan masyarakat tempatan. Walaupun telah bersara pada tahun 2002, Hikmet masih terus memberi tumpuan untuk menjadikan bukit botak itu menjadi taman untuk manusia dan haiwan hingga sekarang (tahun 2022).

Di Bandung, Indonesia pula, Asep Rohman juga dilihat sebagai pahlawan penghijauan. Disebabkan peristiwa banjir yang kerap kali berlaku di bahagian utara Bandung, Asep bersama kawan-kawannya telah menanam sebanyak 17,000 pokok di lereng-lereng Gunung Manglayang pada bulan Disember 2014. Ketika ditemu ramah, Asep mengatakan setiap kali kawasan utara Bandung dilanda banjir, susah hatinya memikirkan rakyat yang terjejas. Asep berharap kerja-kerja amalnya ini dapat menyelamatkan jutaan manusia di utara Bandung daripada sering terkesan akibat banjir.

Kini pokok-pokok itu telah membesar dan kukuh serta menghijaukan lereng Gunung Manglayang. Pokok-pokok ini juga telah mengurangkan kadar pengaliran air hujan dari lereng gunung dan dapat mengurangkan masalah banjir dengan sangat berkesan.

Sehubungan kejayaan ini, Asep Rohman menjadi lebih bersemangat untuk menghijaukan tempat-tempat lain dengan menubuhkan sebuah NGO yang diberi nama AMPUH, singkatan daripada Asosiasi Masyarakat Peduli Untuk Hutan.

Berkenaan amalan menanam pokok di kawasan yang boleh dikatakan mati, Rasulullah ﷺ pernah bersabda,

“Siapa yang menghidupkan tanah yang mati, ia akan memperolehi pahala dan tanaman yang dimakan binatang kecil, itu menjadi sedekah baginya.”
(Hadis Riwayat Ahmad)

Alangkah besarnya pahala yang diperoleh oleh orang-orang seperti Hikmet Kaya dan Asep Rohman.

4.7 Memelihara iklim

Perubahan iklim hari ini telah menjadi suatu perbincangan hangat. Pencemaran udara dan pemanasan global telah menjadi agenda penting pada peringkat antarabangsa. Kawasan yang dahulunya tiada banjir tiba-tiba sering dinaiki air banjir akibat curahan hujan yang luar biasa. Kawasan-

kawasan lain pula yang dahulunya banyak menerima hujan kini menjadi kemarau. Ada juga kawasan yang dahulunya kawasan aman damai kini mengalami banjir ketika musim hujan dan kemarau panjang ketika musim panas.

Ahli-ahli sains telah lama memberi amaran mengenai masalah pencemaran dan pemanasan global ini akan tetapi isu ini kurang mendapat perhatian. Mereka telah menunjukkan kepekatan karbon dioksida dalam udara dari tahun 1000 hingga ke tahun 1800 adalah seragam, lebih kurang 280 bahagian per sejuta. Kemudian meningkat secara eksponen sehingga mencapai 380 bahagian per sejuta pada tahun 2000. Demikian juga dengan gas metana dan gas nitrus oksida.

Gas-gas ini adalah penyebab timbulnya kesan rumah kaca kepada dunia, iaitu apabila gas-gas ini memerangkap haba. Akibatnya bumi semakin hangat, ais di Kutub Selatan dan Utara semakin mencair dan aras air laut meningkat. Kepekatan gas-gas ini turut meningkat dengan cepat disebabkan aktiviti pembakaran, sama ada secara terbuka atau disebabkan oleh enjin yang menggunakan minyak.

Satu persidangan kemuuncak mengenai bumi telah dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 3 hingga 14 Jun 1992 untuk membincangkan masalah sejagat yang dihadapi oleh dunia akibat pencemaran dan pemanasan global ini. Pada akhir persidangan, satu deklarasi yang dikenali sebagai Agenda 21 telah diisyiharkan dan ditandatangani oleh 178 negara. Akan tetapi, deklarasi ini tidak mengikat dan perlaksanaannya agak perlahan. Selepas tahun 2000, PBB telah membuat beberapa inisiatif untuk memperbaiki keadaan. Pada tahun 2015, PBB telah membuat inisiatif yang lebih besar yang dikenali sebagai Agenda 2030 untuk pembangunan mapan. Inti kepada agenda ini ialah 17 Matlamat Pembangunan Mapan (*17 Sustainable Development Goals*). Sebahagian negara melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh manakala yang lain melaksanakannya seperti melepaskan batuk di tangga sahaja

Disebabkan banyaknya negara yang tidak bersungguh-sungguh untuk menangani perubahan iklim ini, maka hari ini kita sedang merasakan akibatnya.

Pada tahun 2014, Kelantan telah dilanda banjir besar yang telah menenggelamkan banyak rumah. Pada tahun 2021 pula, terjadi banjir besar di Selangor yang turut menenggelamkan banyak rumah di Shah Alam. Banjir yang datang tiba-tiba menyebabkan banyak harta benda musnah dan banyak orang terperangkap di atas bumbung. Banjir besar juga berlaku di Pahang.

Jauh di bahagian selatan kita, di Indonesia, terdapat sebuah masjid yang dikenali dengan nama Masjid Wal Adhuna. Masjid ini tidaklah besar dan tiada yang boleh dibanggakan kerana ia hanyalah sebuah masjid kecil di bahagian utara Jakarta. Tetapi masjid ini tiba-tiba menjadi terkenal kerana menjadi simbol perubahan iklim. Gambar masjid ini tersebar dalam media-media antarabangsa. Dahulu masjid ini merupakan tempat solat pekerja-pekerja pelabuhan. Jemaahnya ramai sehingga melimpah keluar, terutama ketika bulan puasa dan hari Jumaat. Akan tetapi, semenjak tahun 2011 masjid ini tidak dapat digunakan lagi kerana telah ditenggelami air laut.

Gambar-gambar Masjid Wal Adhuna yang tenggelam dalam laut telah menggegarkan penduduk Jakarta dan kerajaan Indonesia. Kejadian ini telah menjadi saksi bahawa Jakarta akan tenggelam. Sebabnya, aras air laut yang meningkat pada kadar 7 hingga 8 mm setahun dan permukaan tanah yang mendap akibat banyaknya air yang disedut melalui telaga tiub mampu menenggelamkan Jakarta suatu hari nanti.

Kampung Bedono, Demak di Jawa Tengah juga mengalami nasib yang sama. Dua orang penduduk kampung itu telah menceritakan pengalaman peribadi mereka. Sambil menunjukkan arah laut mereka menceritakan bahawa dahulu ada sebatang jalan konkrit tetapi kini telah ditenggelami air laut. Pada tahun 1995, tahun pertama mereka dilanda air pasang besar. Banjir ini semakin besar dan kerap sehingga menenggelami rumah-rumah pada

tahun 2006. Selanjutnya mereka menceritakan, pada suatu hari ketika solat Jumaat, air pasang datang dengan tiba-tiba dan membasahi semua jemaah. Mereka juga menceritakan pengalaman mengerikan mengenai banjir air pasang ini. Ketika sedang tidur di atas lantai, tiba-tiba air datang membasahi tilam dan badan mereka. Semakin lama, kejadian ini semakin kerap berlaku. Pada tahun 2006, sebahagian rumah-rumah tenggelam dan penduduk sebanyak 266 keluarga telah dipindahkan ke tempat yang lebih tinggi. Pada tahun 1994, rumah mereka hanya berjarak 5 km dari laut. Sekarang rumah-rumah itu sudah sangat hampir di tepi pantai dan dibanjiri air masin setiap kali air pasang besar.

Lalu apa yang perlu kita lakukan untuk menjaga iklim yang kini telah menunjukkan perubahan yang mengerikan?

Allah SWT berfirman,

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَأَذْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ فَرِیبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya." (Al-A'raaf 7:56) Makna kerosakan dalam ayat ini amat luas. Ada yang nyata dan ada juga yang tersirat. Menebang hutan secara besar-besaran adalah nyata. Menghasilkan sampah dengan banyak adalah nyata. Menggunakan kendaraan yang banyak menggunakan minyak adalah tidak nyata, tetapi boleh menyebabkan kepekatan karbon dioksida dalam udara bertambah dan mengakibatkan pemanasan global. dan perubahan iklim. Inilah yang berlaku di negara-negara kaya. Kesan perbuatan mereka bukan sahaja menimpa negara mereka tetapi bahkan juga negara-negara lain yang jauh dari mereka.

4.8 Hidupan di dalam air

Hidupan di dalam air semenjak zaman dahulu telah menjadi sumber makanan yang amat penting sama ada dalam bentuk haiwan seperti ikan dan juga berbagai-bagai jenis rumpai air. Oleh itu, pencemaran air dan penangkapan ikan dengan berlebihan boleh menyebabkan manusia kehabisan sumber ini.

Allah SWT telah menjelaskan betapa pentingnya laut seperti berikut,

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيبًا وَتَسْتَخْرُجُوا مِنْهُ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا
وَتَرَى الْفُلُكَ مَوَالِكَ مَوَالِكَ فِيهِ وَلَنْتَبَعُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

“Dan Dia lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya; dan supaya kamu bersyukur.” (Al-Nahl:14)

Itulah laut yang dijadikan Allah SWT sebagai sumber makanan, perhiasan seperti mutiara, laluan pengangkutan dan sumber rezeki yang lain. Akan tetapi semua itu menjadi rosak jika manusia bersikap rakus.

Berkenaan ini Allah SWT berfirman,

ظَاهِرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقُهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”. (Ar-Ruum:41)

Pada tahun 2010, syarikat BP telah dapat lesen untuk menjalankan penggerudian laut dalam di Teluk Mexico untuk mendapatkan minyak dan gas. Ketika mereka memulakan penggerudian, tiada apa-apa yang pelik. Tambahan pula, syarikat ini sangat berpengalaman dalam kerja-kerja seperti ini.

Tiba-tiba pada pukul 7.45 petang, 20 April 2010, gas metana bertekanan tinggi dari dasar laut naik melalui gerudi menyebabkan pelantar minyak pada tempat penggerudian itu meletup dan terbakar. Sebanyak 11 orang pekerja hilang dan tidak dapat ditemui hingga ke hari ini. Dua hari kemudian minyak dari telaga dasar laut yang sedang digerudi itu dilihat menyembur keluar. Minyak tersebut terus keluar selama 87 hari sebelum telaga itu berjaya disumbat. Dianggarkan lebih kurang 4.9 juta tong minyak telah keluar dan mencemari Teluk Mexico, menjadikannya kejadian tumpahan minyak yang terbesar dalam sejarah dunia setakat ini. Gambar satelit menunjukkan tumpahan minyak itu meliputi kawasan seluas lebih kurang 180,000 km persegi, lebih kurang 700 kali luas Kuala Lumpur.

Pada bulan Jun 2010, tumpahan minyak ini telah sampai ke pantai dan mencemari lebih banyak kawasan . Kerja-kerja pembersihan laut dan pantai memakan masa yang sangat lama, iaitu hampir 4 tahun. Ini menyebabkan kehidupan laut terjejas teruk dan industri pelancongan amat terkesan. Industri perikanan dianggarkan menanggung kerugian sebanyak US\$ 247 juta. Jumlah semua kos yang perlu dibayar oleh Syarikat BP, termasuk kos pembersihan dan denda oleh kerajaan Amerika melebihi US\$ 65 bilion.

Walaupun tumpahan minyak telah dibersihkan, bahan-bahan beracun kesan minyak itu masih terdapat dalam air laut. Kajian pada tahun 2014 mendapati, kadar penyakit dan kecacatan pada ikan dan haiwan-haiwan laut yang lain lebih tinggi dari biasa. Jangka hayat haiwan-haiwan ini juga menjadi lebih pendek.

Mengenai sungai, Allah SWT berfirman,

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الْتَّمَرُّدِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِإِمْرَهٖ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ

"Allah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). (Ibrahim 14:32)

Selain laut, sungai juga amat penting bagi manusia kerana sebagai sumber minuman yang utama dan keperluan asas untuk pertanian. Di sesetengah tempat, sungai menjadi tempat menternak lokan untuk mendapatkan dagingnya dan juga mutiara. Namun pencemaran akibat aktiviti yang kurang bertanggungjawab menyebabkan haiwan-haiwan ini berkurangan dan mati.

Pada bulan Ogos tahun 2019, penternak-penternak ikan di Sungai Cawat, Kuala Besut, Terengganu terkejut apabila melihat ikan-ikan dalam sangkar banyak yang mati. Sebelum ini pernah juga beberapa kali kejadian seperti ini berlaku, namun kadar kematianya rendah. Semakin lama, kadar kematian ikan semakin meningkat dan pernah sekali kadar kematian ikan sangat tinggi. Kerugian dianggarkan kira-kira RM500,000. Sebabnya belum dapat dipastikan, mungkin berpunca daripada Skim Pengairan Padi Pengkalan Nangka.

Pada bulan Februari tahun 2021 pula, ribuan ikan didapati mati di Sungai Ketil, Taman Wangi, Gua Musang. Penduduk tempatan amat bimbang kerana sungai itu menjadi tempat mereka mendapat ikan kelah. Mereka mengesyaki kejadian ini adalah akibat pencemaran dari kawasan perindustrian Gua Musang.

Ikan sebenarnya mempunyai kedudukan yang istimewa dalam mendoakan kita. Rasulullah ﷺ bersabda,

*“Siapa yang melalui jalan untuk mendapatkan ilmu, maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan menuju syurga. Sesungguhnya para malaikat meletakkan sayap-sayapnya bagi orang yang menuntut ilmu kerana reda dengan apa yang diperbuatnya. Dan bahwasanya penghuni langit dan bumi serta **ikan** yang ada di lautan itu sentiasa memintakan ampun kepada orang yang ‘alim (berilmu).”* (Hadis Riwayat Abu Dawud dan Tirmidzi)

4.9 Kehidupan di atas tanah

Rasulullah ﷺ bersabda, “Sayangilah makhluk yang ada di bumi, nescaya yang ada di langit akan menyayangi mu”. (Hadis Riwayat At-Thabranî)

Makhluk di atas muka bumi ini meliputi pelbagai jenis haiwan dan juga tumbuhan. Semuanya perlu dijaga, ekosistemnya dipelihara, penggunaan hutan perlu diminimumkan dan penggondolan bukit-bukau mesti dielakkan manakala kerosakan muka bumi perlu diperbaiki. Kita harus memelihara khazanah kepelbagaian bio yang kaya di negara kita. Pernyataan yang singkat ini nampak mudah tetapi apa yang terjadi sering kali yang sebaliknya.

Di beberapa tempat di Amerika Syarikat, seperti Yellowstone, telah terjadi gangguan ekosistem yang agak berbahaya. Tempat-tempat ini dahulunya adalah tempat tinggal serigala secara alami. Apabila orang-orang Eropah datang dan membentuk kerajaan di Amerika, kerajaan pusat menggalakkan supaya serigala ini diburu dan dihapuskan. Serigala terakhir di Yellowstone telah dibunuh pada tahun 1926.

Apabila serigala pupus, tiba-tiba rusa berkembang biak dengan cepat kerana tiada lagi pemangsa yang memakannya. Apabila rusa menjadi terlalu banyak, rumput dan pokok-pokok renek banyak yang terkesan akibat dimakan rusa. Kawasan berkenaan hampir gondol sehingga pegawai-pegawai perhutanan terpaksa membunuh rusa dengan banyaknya.

Di samping itu, kekurangan rumput dan pokok renek turut menyebabkan burung dan haiwan-haiwan lain kehilangan tempat tinggal. Melihat keadaan semakin memburuk, pada tahun 1995, serigala diperkenalkan semula di Yellowstone. Selepas 25 tahun serigala diperkenalkan semula, Yellowstone yang hampir ‘botak’ itu telah menghijau semula. Kicauan burung kembali rancak.

Di Brazil lain pula ceritanya. Atas nama pertanian, pembakaran secara terbuka berlaku secara berleluasa. Pembakaran ini berlaku setiap kali musim kering di kawasan Amazon. Perbuatan ini salah di sisi undang-undang tetapi kerana tiada penguatkuasaan, pembakaran terus berlaku tanpa sekatan.

Pada tahun 2019, aktiviti pembakaran menjadi tidak terkawal sehingga membakar hutan simpan itu dan telah menghasilkan jerebu yang hampir menggelapi bandar Sao Paulo yang terletak beribu batu dari hutan Amazon. Dilaporkan terdapat lebih daripada 80,000 pembakaran yang dapat dilihat dengan jelas dari satelit.

Akibat pembakaran ini, sebanyak 9,060 km persegi hutan Amazon terbakar; iaitu dengan keluasan yang melebihi keluasan negeri Selangor. Presiden Bolsonaro terpaksa menghantar sebanyak 44,000 orang untuk memadamkan kebakaran ini. Bilangan pokok yang terbakar tidak dapat dibayangkan. Demikian juga haiwan-haiwan yang mati. Rakyat yang jatuh sakit disebabkan jerebu pun tidak dapat dihitung jumlahnya. Anggaran kerosakan tidak kurang daripada US\$ 957 billion dan mungkin mencecah US\$ 3.5 trillion. Kira-kira masa yang panjang sehingga 30 tahun diperlukan untuk memulihkan semula hutan yang terbakar itu.

Bab 5

Memohon Perlindungan daripada Kebinasaan

5.1 Doa Nabi Adam

Manusia biasa tidak mungkin terlepas daripada melakukan kesilapan dan kesalahan. Kesalahan itu kadangkala memberikan kesan yang amat besar dan berpanjangan. Kesalahan ini biasanya ada kaitannya dengan dosa kepada Allah SWT yang boleh menimbulkan kemurkaan-Nya.

Kemurkaan Allah boleh datang dalam bentuk bencana besar yang membinasakan sesebuah bandar maupun sesebuah negara. Bukanakah Allah telah membinasakan Namrud dan Firaun yang begitu gagah dan maju pada zamannya?

Nabi Adam a.s. telah menunjukkan contoh dan doa setelah melakukan kesalahan. Baginda berasa bersalah akibat perbuatan yang menzalimi dirinya.

Lantas baginda berdoa,

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنْكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

"Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi". (Al-A'raaf 7:23)

5.2 Doa Nabi Nuh (Noah)

Nabi Nuh hidup 1, 000 tahun selepas Nabi Adam. Umurnya dikatakan 950 tahun. Dalam tempoh yang panjang itu, baginda telah berusaha untuk mengajak manusia supaya tidak melakukan kejahatan dan kembali kepada agama Allah SWT. Namun kejahatan dan kezaliman yang masih berterusan boleh mengundang kemurkaan Tuhan yang menciptakan alam ini.

Lalu baginda berdoa,

رَبِّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَسْأَلَكَ مَا لَيْسَ لِي بِهِ عِلْمٌ وَإِلَّا تَغْفِرْ لِي وَتَرْحَمْنِي أَكُنْ
مِّنَ الْخَاسِرِينَ

"Wahai Tuhan ku! Sesungguhnya aku berlindung kepada Mu daripada memohon sesuatu yang aku tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; dan jika Engkau tidak mengampunkan dosa ku, dan memberi rahmat kepada ku, nescaya menjadilah aku dari orang-orang yang rugi". (Hud 11:47)

Dalam kes Nabi Nuh, kemurkaan Allah memang datang dalam bentuk banjir besar yang menenggelamkan, tapi Nabi Nuh beserta pengikut setia dan haiwan-haiwan yang telah dikumpulkan terlebih dahulu selamat apabila Allah telah memerintahkannya membina sebuah kapal besar sebelum berlakunya banjir itu.

5.3 Doa Nabi Ibrahim (Abraham)

Nabi Ibrahim adalah seorang berfikiran jauh sehingga doanya meliputi pengikut-pengikutnya dan keturunannya sehingga ke anak cucu, cicit dan seterusnya. Nabi Ibrahim hidup lebih kurang 4, 900 tahun dahulu.

Antara doa Nabi Ibrahim yang sangat baik diamalkan adalah,

رَبِّ أَجْعَلْنِي مُقِيمَ الْمَسْلَوَةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ
رَبَّنَا أَغْفِرْ لِي وَلِوَلَدَيَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُولُ الْحِسَابُ

"Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunan ku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonan ku. "Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagi ku dan bagi kedua-dua ibu bapa ku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan." (Ibrahim:41)

Pada hari ini, pengikut dan zuriat Nabi Ibrahim berada di seluruh pelosok dunia dan memerintah banyak negara, sama ada besar atau kecil. Para cendekiawan telah bersepakat bahawa agama Yahudi, Kristian dan Islam adalah agama yang berasal daripada Nabi Ibrahim.

5.4 Doa Nabi Lut (Lot)

Nabi Lut adalah anak saudara Nabi Ibrahim. Nabi Lut berhadapan dengan kaumnya yang banyak melakukan kejahatan dan suka melakukan hubungan sejenis. Baginda telah cuba untuk menyedarkan mereka dan memberi amaran bahawa perbuatan mereka mengundang kemurkaan Allah. Amaran baginda tidak dihiraukan oleh kaumnya.

Lalu baginda berdoa,

رَبِّ نَجْنِي وَأَهْلِي مِمَّا يَعْمَلُونَ

"Wahai Tuhan ku, selamatkanlah aku dan keluarga serta pengikut-pengikut ku dari apa yang dilakukan oleh golongan (yang jahat) itu." (Asy-Syu'ara' 26:169)

Kedegilan kaumnya telah menyebabkan Allah SWT membinasakan negeri mereka iaitu Sodom dan Gomorrah. Nabi Lut dan keluarganya, kecuali isterinya serta pengikut-pengikutnya walau bagaimanapun sempat keluar dari Sodom atas perintah Allah SWT dan mereka terselamat.

Kini, hubungan sejenis semakin berleluasa atas nama hak LGBT (*Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender*). Kita perlu sentiasa berdoa untuk mengelakkan diri, keluarga dan masyarakat daripada kebinasaan dan kemurkaan Allah

5.5 Doa Nabi Yusuf (Joseph)

Nabi Yusuf adalah orang Yahudi dan dibesarkan dalam masyarakat bangsawan Qibti di Mesir. Baginda berhadapan tugas berat untuk membawa Mesir melalui satu bencana besar, iaitu kemarau panjang. Orang atasannya adalah raja yang tidak mengikut syariat Allah. Bencana kemarau ini benar-benar menjadi masalah besar yang boleh membinasakan kerajaan Mesir, kerana rakyat boleh menderita kebuluran.

Dalam keadaan ini baginda berdoa,

رَبِّنَا إِنَّا إِلَيْكَ مُتَوَلِّونَ
وَعَلَمْتَنَا مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ فَاطِرُ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ أَنْتَ وَلِيٌّ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ تَوَفَّنِي مُسْلِمًا وَالْجَنَّةَ
بِالصَّالِحِينَ

"Wahai Tuhan ku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan daku sebahagian dari kekuasaan (pemerintahan) dan mengajar ku sebahagian dari ilmu tafsiran mimpi. Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, Engkau Pengusaha dan Pelindung ku di dunia dan di akhirat; sempurnakanlah ajal ku (ketika mati) dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang soleh". (Yusuf: 101)

Kerajaan Mesir selamat mengharungi kemarau yang panjang. Bahkan penduduk Palestin turut datang ke Mesir untuk mendapatkan makanan. Dalam masa yang sama, kedudukan yang tinggi dalam kerajaan langsung tidak merosakkan keimanannya kepada Allah.

5.6 Doa Nabi Syuib (Jethro)

Nabi Syuib yang juga dikenali sebagai Jethro dalam kitab Injil, hidup selepas Nabi Ibrahim. Baginda merupakan bapa mentua Nabi Musa. Nabi Syuib diutus kepada kaum Madyan yang hidup bergelumang dengan penipuan dalam perniagaan seperti pemalsuan, pengurangan timbangan berat dan ukuran panjang. Kezaliman golongan atasan terhadap golongan bawahan berleluasa. Penindasan golongan yang kuat terhadap yang lemah sudah menjadi lumrah. Keadaan ini berpunca daripada kelalaian mereka daripada beriman kepada

Allah. Lalu Nabi Syuib diutus untuk membetulkan keadaan tetapi orang-orang Madyan masih tidak berubah.

Lalu Nabi Syuib berdoa,

وَسَعَ رَبُّنَا كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا رَبَّنَا أَفْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمَنَا بِالْحُقْقِ وَأَنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ

"Pengetahuan Tuhan kami meliputi akan tiap-tiap sesuatu. Kepada Allah jualah kami bertawakal. Wahai Tuhan kami, hukumkanlah antara kami dan kaum kami dengan kebenaran (keadilan), kerana Engkau jualah sebaik-baik Hakim". (Al-A'raaf 7:89)

Kejahatan yang dilakukan oleh orang-orang Madyan telah mengundang kemurkaan Allah. Lantas negeri mereka dilanda gempa yang kuat sehingga kesemuanya mati bergelimpangan manakala Nabi Syuib dan pengikut serta keluarganya terselamat.

5.7 Doa Nabi Musa (Moses)

Nabi Musa pula telah diutus Allah untuk berhadapan dengan Firaun, seorang raja yang cerdik yang memerintah sebuah kerajaan yang besar dan gagah. Akan tetapi Nabi Musa tidak petah berbicara.

Lalu baginda berdoa,

رَبِّ أَشْرَخْ لِي صَدْرِي
وَبَيْزِرْ لِي أَمْرِي
وَأَحْلَلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي
يُفَقَّهُوا قَوْلِي

“Ya Tuhan ku, lapangkanlah dada ku, dan mudahkanlah untuk ku urusan ku, dan lepaskanlah kekakuan ku dari lidah ku, agar mereka mengerti perkataan ku.” (Taha, 25-28).

5.8 Doa Nabi Ayub (Job)

Wabak penyakit mampu meruntuhkan sesebuah kerajaan jika tidak dapat dikawal dengan baik dan mencetuskan pandemik ke seluruh negara. Nabi Ayub sendiri pernah mengidap penyakit yang berpanjangan. Maka doa berikut boleh dijadikan amalan selepas berikhtiar mendapatkan rawatan doktor.

Doa Nabi Ayub ketika sakit,

أَلَّى مَسْنَى الْضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الْرَّحِيمِينَ

“Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani”.(Al-Anbiyaa':83)

5.9 Doa Nabi Sulaiman (Solomon)

Nabi Sulaiman adalah seorang raja yang cerdik dan berkebolehan untuk berkomunikasi dengan haiwan dan jin . Kerajaannya amat besar, makmur dan kuat. Namun, kerajaan ini seperti mana kerajaan-kerajaan sebelumnya tetap boleh jatuh dan runtuh.

Oleh itu baginda berdoa,

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ

“Wahai Tuhan ku! Ampunkanlah kesilapan ku, dan kurniakanlah kepada ku sebuah kerajaan (yang tidak ada taranya dan) yang tidak akan ada pada

sesiapapun kemudian daripadaku; sesungguhnya Engkau lahir yang sentiasa melimpah kurnia-Nya ". (Saad 38:35)

5.10 Doa Nabi Zakaria (Zachariah)

Nabi Zakaria dikurniakan zuriat pada usia yang agak lanjut. Jadi baginda bimbang jika tiada keturunannya yang akan meneruskan kerja-kerja dakwah yang telah dilakukan.

Lalu baginda berdoa,

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَا رَبَّهُ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرْيَةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الْدُّعَاءِ

" Wahai Tuhan ku! Kurniakanlah kepada ku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik; sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar (menerima) doa permohonan". (Ali 'Imran:38)

Dalam sesebuah kerajaan, kadar kelahiran yang rendah amat membimbangkan kerana jumlah penduduk akan berkurangan. Tambahan pula, jika jumlah warga emas melebihi orang muda, ekonomi negara tidak mampu menyokong keperluan masyarakat. Inilah senario yang berlaku di kebanyakan negara maju. Jika kadar kelahiran tidak bertambah, lama-kelamaan kerajaan itu akan pupus kerana tidak cukup populasi untuk bekerja dan mempertahankannya. Rakyat yang jahat pula akan merosakkan negara. Itulah pentingnya doa Nabi Zakaria ini, untuk memohon dikurniakan zuriat yang baik.

5.11 Doa Nabi Isa (Jesus)

Rezeki amat penting bagi kesejahteraan masyarakat. Dinasti Ming jatuh akibat pandemik dan sumber pendapatan rakyatnya terjejas. Para petani lalu bangkit dan menumbangkan kerajaan. Kerajaan Mesir pula terselamat ketika kemarau

panjang atas kebijaksanaan perancangan Nabi Yusuf, maka sumber rezeki rakyatnya tidak terjejas.

Antara doa Nabi Isa yang boleh diamalkan supaya Allah mengurniakan rezeki adalah seperti berikut,

وَأَرْزُقْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الْرُّزْقِينَ

"Dan kurniakanlah rezeki kepada kami, kerana Engkau jualah sebaik-baik Pemberi rezeki".(Al-Maidah 5:114)

5.12 Doa Nabi Muhammad ﷺ

Terdapat banyak doa yang telah diajar oleh Nabi Muhammad , ﷺ termasuklah yang berkaitan dengan kemapanan.

Doa yang selalu diulang-ulang oleh Rasulullah ﷺ ialah:

رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

"Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami daripada azab neraka". (Al-Baqarah 2:201)

Satu lagi doa yang amat besar impaknya ialah:

رَبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ وَاجْعَلْ لِي مِنْ لَدُنْكَ سُلْطَنَةً نَصِيرًا

"Wahai Tuhan ku! Masukkan aku ke tempat masuk yang benar dan keluarkan aku ke tempat keluar yang benar dan berikanlah kepada ku dari sisi-Mu kekuasaan yang dapat menolong." (Al-Israa' 17:80)

Doa ini Rasulullah ﷺ bacakan ketika baginda terpaksa meninggalkan tempat kelahirannya untuk berhijrah dan memasuki Madinah. Dalam keadaan terusir dan diburu baginda berhijrah ke tempat lain. Di situ baginda telah menubuhkan sebuah kerajaan bandar yang kecil. Dalam tempoh 10 tahun sahaja, ketika Rasulullah ﷺ wafat, kerajaan kecil itu telah berkembang dan meliputi Kerajaan Arab Saudi, Yaman dan negara-negara Teluk sekarang.

Selepas kewafatan Rasulullah, pentadbiran kerajaan ini diteruskan oleh sahabat-sahabat baginda dan dalam tempoh yang singkat kerajaan ini telah berjaya meluaskan kuasa ke barat Maghribi hingga ke timur Iran dan utara Syria hingga selatan Yaman .



Pembangunan Mapan dari Pandangan Islam

Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat adalah seorang professor emeritus yang telah banyak melakukan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan. Sebelum berkhidmat dengan Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau telah berkerja di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Buku ini ditulis berasaskan pengalaman dan penyelidikan beliau.

ISBN 978-629-97565-0-7



9 7 8 6 2 9 9 7 5 6 5 0 7